

Prestasi dan Prospek Ekonomi

LAPORAN EKONOMI

2

Tinjauan

Ekonomi berkembang pesat dengan permintaan dalam negeri yang kukuh...

Momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia berterusan ke tahun 2004 selepas mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan pada tahun 2003. Persekitaran luar kini bertambah baik dengan ketara, berbeza daripada tahun 2003, ketika ekonomi global tergugat oleh peperangan di Iraq dan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS). Permintaan elektronik dunia telah meningkat sementara harga komoditi menggalakkan. Keadaan ini telah mendorong ekonomi Malaysia untuk terus berkembang pesat daripada 7.6% pada suku pertama tahun 2004 kepada 8% pada suku kedua, iaitu yang tertinggi sejak suku ketiga tahun 2000.

Kecergasan aktiviti ekonomi domestik yang merangsangkan pertumbuhan dari tahun 2002 hingga tahun 2004 diperkukuhkan lagi oleh persekitaran luar yang menggalakkan. Paling ketara, kecergasan ini didorong oleh perkembangan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta. Sektor pembuatan mencatat pertumbuhan mantap sebanyak 12.3% pada separuh pertama tahun 2004, sementara sektor perkhidmatan berkembang kukuh sebanyak 6.8% pada tempoh yang sama. Kedua-dua sektor ini dianggarkan menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan ekonomi memandangkan Indeks Pelopor menunjukkan ekonomi semakin berkembang pada separuh kedua tahun. Peningkatan rizab antarabangsa berikutan lebihan akaun semasa dan kemasukan aliran modal asing yang lebih besar terus mengukuhkan lagi asas-asas makroekonomi Malaysia. Dengan senario yang menggalakkan ini, ekonomi Malaysia dianggarkan mencapai pertumbuhan yang

lebih kukuh sebanyak 7% pada tahun 2004 (2003: 5.3%), mengatasi anggaran awal iaitu 6.0-6.5%.

Pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dalam persekitaran inflasi yang rendah membantu mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan baru yang lebih banyak. Justeru, pendapatan negara dalam nilai semasa dianggarkan meningkat 10.8% kepada RM411,794 juta, dengan pendapatan per kapita bertambah 8.5% untuk mencapai RM16,098 (2003: RM14,838). Begitu juga dengan pendapatan per kapita dari segi pariti kuasa beli, ia dianggarkan meningkat 9.3% kepada USD10,163 (2003: USD9,295).

Prestasi Permintaan Dalam Negeri

Pertumbuhan lebih tinggi disokong kerancakan aktiviti sektor swasta...

Permintaan dalam negeri yang diterajui oleh sektor swasta terus kukuh serta menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun 2004. Berikutan sentimen pengguna kekal positif dan keyakinan pelabur semakin mantap, permintaan domestik dalam nilai benar (tidak termasuk perubahan dalam stok) dianggarkan meningkat 6.7% (2003: 5.9%). Dengan ini, ia menyumbang 6.1 mata peratusan (2003: 5.2 mata peratusan) kepada keseluruhan pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Prestasi sektor swasta yang menggalakkan ini disumbangkan sebahagiannya oleh usaha gigih Kerajaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk merangsang sektor swasta supaya menjadi lebih cergas dan dinamik dengan menyediakan persekitaran perniagaan dan pelaburan yang lebih kondusif.

Perbelanjaan sektor swasta dianggarkan berkembang dengan lebih pantas sebanyak 10.3% iaitu kadar tertinggi sejak tahun 2001.

JADUAL 2.1

**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Mengikut Permintaan Agregat
2003-2005**
(pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada Pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2003	2004 ¹	2005	2003	2004 ¹	2005	2003	2004 ¹	2005
KDNK	5.3	7.0	6.0	100.0	100.0	100.0	5.3	7.0	6.0
Permintaan Dalam Negeri ²	5.9	6.7	4.6	89.8	89.6	88.5	5.2	6.1	4.1
Perbelanjaan Swasta	5.5	10.3	8.6	56.5	58.3	59.8	3.1	5.8	5.0
Penggunaan	6.6	9.3	7.9	46.9	48.0	48.9	3.1	4.4	3.8
Pelaburan	0.4	14.8	11.9	9.6	10.3	10.9	0.0	1.4	1.2
Perbelanjaan Awam	6.6	0.7	-3.0	33.3	31.4	28.7	2.1	0.3	-0.9
Penggunaan	10.0	9.8	2.5	14.9	15.3	14.8	1.4	1.5	0.4
Pelaburan	3.9	-6.6	-8.1	18.4	16.1	13.9	0.7	-1.2	-1.3
Perubahan dalam stok				-0.8	0.7	0.7	-1.9	1.6	0.0
Sektor Luar	20.5	-6.6	20.0	11.0	9.6	10.8	2.0	-0.7	1.9
Eksport ³	6.3	14.6	9.7	109.2	117.0	121.1	6.9	16.0	11.3
Import ³	5.0	17.0	8.8	98.2	107.4	110.3	4.9	16.7	9.4
KDNK (RM bilion, harga semasa)	394.2	438.5	466.7						
Perubahan (%)	9.0	11.2	6.4						

¹ Anggaran.

² Tidak termasuk perubahan dalam stok.

³ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

Pada kadar ini, perbelanjaan sektor swasta menyumbang 5.8 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK (2003: 3.1 mata peratusan). Berbeza daripada tahun 2003, bila pertumbuhan berpunca sebahagian besarnya daripada perbelanjaan penggunaan domestik dan sektor luar, pertumbuhan pada tahun 2004 didorong oleh perkembangan kukuh perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta. Kegiatan sektor swasta yang semakin rancak, terutamanya perbelanjaan modal yang lebih tinggi sejak separuh kedua tahun 2003, memberikan Kerajaan lebih ruang untuk mengurangkan lagi defisit fiskal. Selaras dengan langkah konsolidasi, **perbelanjaan sektor awam** mencatat pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 0.7% (1999-2003: 12.3%) dan menyumbang hanya

0.3 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK. Dengan demikian, bahagian perbelanjaan sektor awam kepada KDNK dianggar berkurangan kepada 31.4%, hampir separuh daripada bahagian sektor swasta iaitu 58.3% pada tahun 2004 (2003: 33.3%; 56.5%).

Paras pendapatan boleh guna yang lebih tinggi berikutan harga komoditi yang kukuh, pendapatan eksport yang lebih mantap, prospek pekerjaan yang lebih baik dan kesan positif kekayaan daripada keadaan pasaran saham yang menggalakkan merupakan faktor penyumbang utama kepada pertumbuhan kukuh **penggunaan swasta** sebanyak 9.3% (2003: 6.6%). Pertumbuhan ini lebih meluas dan ia juga didorong oleh kadar faedah yang rendah dan inflasi yang

terkawal. Bagi meningkatkan pendapatan boleh guna, kadar caruman pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah dikurangkan daripada 11% kepada 9% untuk tempoh satu tahun bermula Jun 2003 sehingga Mei 2004. Kedudukan yang menggalakkan ini telah meningkatkan lagi paras kecenderungan mengguna. Penunjuk penggunaan utama telah meningkat dengan kukuh pada separuh pertama tahun 2004, seperti jualan kereta penumpang (7.6%) dan motosikal (62.9%). Beberapa penunjuk penggunaan lain juga menunjukkan arah aliran yang sama, termasuk import barangan penggunaan, jualan barangan makanan dan kredit penggunaan yang meningkat dengan ketara antara 10.7% hingga 20.5%, seperti di *Carta 2.1*.

Satu perkembangan penting yang menyumbang dengan ketara kepada kekukuhan keseluruhan pertumbuhan ekonomi ialah peningkatan **pelaburan swasta**. Perbelanjaan modal swasta dianggarkan meningkat tinggi sebanyak 14.8% pada tahun 2004. Peningkatan ini merupakan hasil kejayaan strategi Kerajaan dalam menggalakkan lebih banyak daya usaha sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi. Satu lagi faktor ialah keyakinan perniagaan yang lebih teguh berikutan kesan positif pendapatan eksport dan pesanan jualan domestik yang lebih tinggi. Hasilnya, kadar penggunaan keupayaan hampir mencapai tahap penuh, terutamanya bagi beberapa industri dalam sektor pembuatan. Perkembangan ini akan meningkatkan aliran tunai dan menghasilkan keuntungan sektor korporat yang lebih baik. Walaupun masih rendah berbanding paras sebelum krisis kewangan Asia (1990-1997: 29.3%), bahagian pelaburan swasta kepada keseluruhan KDNK dijangka mencatat pertambahan kepada 10.3% (2003: 9.6%), selaras dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan serantau yang memberangsangkan.

Pengaliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) yang berterusan dalam industri gas dan minyak serta minat yang lebih tinggi dalam aktiviti pelaburan pertanian menunjukkan pelaburan sektor swasta telah meningkat dan menyeluruh. Di samping itu, kitaran gantian semasa bagi perkakasan dan perisian berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) juga membantu menggalakkan pelaburan swasta. Perbelanjaan

CARTA 2.1

Penunjuk Penggunaan Swasta



¹ Pada akhir tahun dan pada 30 Ogos 2004.




modal yang lebih tinggi juga selaras dengan penunjuk-penunjuk pelaburan lain, seperti import barangan modal dan perantaraan, pengeluaran pinjaman daripada sistem perbankan dan jualan kenderaan komersil yang meningkat antara 14.5% dan 38.5% pada separuh pertama tahun 2004. Import kelengkapan pengangkutan, terutamanya bagi keperluan perusahaan, kembali pulih dan meningkat dengan ketara sebanyak 149.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2004 (Januari-Julai 2003: -71.7%). Langkah Kerajaan baru-baru ini untuk memudahkan prosedur permohonan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) supaya lebih mesra pelabur dijangka merancakkan lagi kegiatan pelaburan. Usaha ini berserta dengan langkah lain yang bertujuan mempromosi Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang menjadi pilihan, mencerminkan komitmen Kerajaan untuk terus menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam. Tambahan pula, suasana politik yang stabil, kemudahan infrastruktur yang baik dan tenaga kerja yang terlatih terus menjadi tonggak utama dalam memastikan Malaysia mempunyai daya tarikan kepada pelabur asing.

Jumlah perbelanjaan **pelaburan awam** dianggap berkurangan buat kali pertama sejak krisis kewangan Asia iaitu 6.6% (2003: +3.9%). Ini selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal secara progresif tanpa menjejaskan keseluruhan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, paras pelaburan sektor awam yang lebih rendah ini diimbangi oleh perbelanjaan lebih pesat sektor swasta yang telah menyambut baik langkah Kerajaan dalam menggalakkan kegiatan pelaburan. Dengan ini, bahagian perbelanjaan modal sektor awam kepada keseluruhan KDNK dianggap berkurangan sedikit kepada 16.1% (2003: 18.4%). Kedudukan ini juga berikutan langkah Kerajaan yang telah mempercepatkan pelaksanaan dan penyiapan projek pembangunan dalam tempoh 2001-2003. Dengan jumlah peruntukan pembangunan yang lebih kecil pada tahun 2004, Kerajaan terus memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada, mengurangkan pembaziran dan melaksanakan perbelanjaan secara berhemat dan cekap.

Begitu juga dengan **penggunaan awam** yang dianggap mencatat pertumbuhan

CARTA 2.2

Penunjuk Pelaburan Swasta



sederhana sebanyak 9.8% (2003: 10%), terutamanya berikutan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi sejajar dengan keperluan untuk terus menjamin dan meningkatkan lagi kualiti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan sektor awam.

Prestasi Mengikut Sektor

Peningkatan kitaran elektronik global, harga komoditi yang kukuh dan kemantapan permintaan dalam negeri terus memacu pertumbuhan ekonomi...

Output bagi semua sektor dianggap meningkat dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan sebagai peneraju utama. Selepas berkembang lebih pesat pada kadar 12.3% dalam separuh pertama tahun 2004, sektor pembuatan dianggap terus meningkat 10.5% bagi keseluruhan tahun (2003: 8.3%), seperti di *Jadual 2.2*. Sektor ini

menjadi penggerak utama pertumbuhan dalam suasana ekonomi dunia yang lebih baik dan peningkatan berterusan permintaan elektronik global. Sektor perkhidmatan, dengan bahagian KDNK terbesar sebanyak 57.1%, dianggap berkembang lebih pesat pada kadar 6% (2003: 4.4%) dengan semua subsektor mencatatkan pertumbuhan positif.

Pertumbuhan output sektor pertanian dianggap sederhana pada kadar 2.8% (2003: 5.7%), disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) yang lebih rendah. Walau bagaimanapun output subsektor getah, ternakan dan perikanan berkembang untuk menyokong pertumbuhan sektor pertanian. Nilai ditambah bagi sektor perlombongan meningkat 5% (2003: 5.9%), didorong oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi berikutan permintaan dan harga yang kukuh. Sektor pembinaan meningkat sedikit pada kadar 0.5% (2003: 1.9%), disokong oleh kecergasan aktiviti perumahan dan projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan.

JADUAL 2.2

KDNK Mengikut Sektor 2003-2005 (pada harga benar 1987)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada Pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2003	2004 ¹	2005	2003	2004 ¹	2005	2003	2004 ¹	2005
Pertanian, perhutanan dan perikanan ²	5.7	2.8	2.4	8.7	8.3	8.1	0.5	0.2	0.2
Perlombongan	5.9	5.0	5.5	7.2	7.1	7.0	0.4	0.4	0.4
Pembuatan	8.3	10.5	7.6	30.8	31.8	32.3	2.5	3.2	2.4
Pembinaan	1.9	0.5	1.8	3.2	3.0	2.9	0.1	0.0	0.1
Perkhidmatan	4.4	6.0	5.8	57.6	57.1	57.0	2.6	3.5	3.3
tolak: Caj tertaksir perkhidmatan bank	6.4	3.5	4.0	9.8	9.4	9.3	0.6	0.3	0.4
campur: Duti import	-3.7	0.8	-0.5	2.2	2.1	2.0	-0.1	0.0	0.0
KDNK	5.3	7.0	6.0	100.0	100.0	100.0	5.3	7.0	6.0

¹ Anggaran.

² Termasuk ternakan dan hortikultur.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Sektor Pembuatan

Didorong oleh asas pembuatan yang lebih menyeluruh...

Pertumbuhan lebih pantas sektor pembuatan telah dicatatkan sejak September 2003, disokong oleh pertumbuhan dua digit dan menyeluruh industri berorientasi eksport dan domestik. Persekitaran luar yang baik dengan pertumbuhan

kukuh yang berterusan di China serta pemulihan ekonomi Amerika Syarikat (AS) dan pemulihan mapan Jepun, mendorong permintaan yang lebih tinggi bagi barangan pembuatan terutama produk elektronik. Pada masa yang sama, pertumbuhan industri berorientasi domestik bertambah pesat didorong oleh peningkatan prestasi ekonomi. Perkembangan positif ini telah merangsang kepesatan pembuatan dan meningkatkan sumbangannya kepada KDNK, seperti di *Jadual 2.2*.

JADUAL 2.3

Indeks Pengeluaran Pembuatan Januari–Jun (1993=100)

Sektor	Perubahan (%)				Bahagian (%)	
	2003	2004	2004		2003	2004
			S1	S2		
Industri berorientasi eksport:	4.6	21.5	21.5	21.2	50.8	53.1
Elektrik, elektronik dan jentera:	4.3	24.4	24.6	23.8	39.0	41.8
<i>Separa konduktor</i>	7.8	33.4	34.1	32.7	30.5	34.9
<i>Pembersih dan pendingin udara</i>	10.4	16.3	17.3	15.5	2.6	2.6
Alat profesional, saintifik, alat penyukat dan kawalan	6.0	13.9	19.0	9.5	0.7	0.7
Produk berasaskan getah	12.0	19.8	21.4	18.3	4.6	4.8
Produk berasaskan kayu	1.8	17.4	13.8	20.8	3.5	3.5
Tekstil dan pakaian	1.5	-8.5	-10.7	-6.4	2.8	2.2
Industri berorientasi domestik:	11.3	10.8	11.4	10.4	49.2	46.9
Produk plastik dan kimia:	20.0	17.8	16.9	18.7	19.1	19.4
<i>Produk plastik</i>	28.0	16.1	15.6	16.6	7.7	7.7
<i>Kimia dan produk kimia</i>	15.1	19.0	17.8	20.2	11.4	11.7
<i>Kimia perindustrian</i>	16.5	18.7	17.3	20.3	9.7	9.9
Makanan, minuman dan tembakau	12.3	2.0	4.4	-0.3	10.4	9.1
Industri berkaitan pembinaan:	7.0	20.5	21.3	19.7	8.3	8.6
<i>Besi dan keluli</i>	8.7	7.1	5.5	8.6	3.0	2.8
<i>Produk besi ditempa</i>	6.0	31.2	35.5	27.8	4.5	5.1
<i>Galian bukan logam</i>	11.6	-5.5	-1.1	-9.6	4.1	3.4
Peralatan pengangkutan	-10.1	4.4	0.8	8.0	4.0	3.6
Kertas dan produk kertas	5.1	6.8	-0.7	14.4	1.5	1.3
Penapisan minyak mentah	9.5	-6.3	-2.1	-10.3	1.3	1.1
Logam bukan ferum	5.9	10.2	9.0	11.2	0.8	0.7
Pelbagai produk petrol dan arang batu	8.5	7.7	-0.9	15.7	0.3	0.3
Kaca dan produk kaca	1.5	-1.8	-4.1	0.4	0.4	0.3
JUMLAH	7.9	16.2	16.3	15.9	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Penggunaan kapasiti keseluruhan sektor pembuatan kekal pada kadar yang tinggi dengan 42% pengilang beroperasi pada tahap menghampiri kapasiti maksimum (81%-100%) dalam tempoh suku kedua tahun 2004 berbanding 35% dalam suku pertama tahun ini. Peratusan pengilang yang beroperasi pada lingkungan kapasiti 61%-80% pula meningkat daripada 37% kepada 40%, berikutan permintaan yang lebih kukuh. Peningkatan output dicerminkan dalam jumlah jualan sektor pembuatan yang meningkat 18.6% atau RM192,559 juta dalam separuh pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: RM162,331 juta). Jumlah nilai jualan yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan ketara permintaan industri separa konduktor dan logam asas.


Output industri berorientasi eksport mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 21.5% dalam tempoh separuh pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 4.6%) dengan perkembangan yang lebih menyeluruh, seperti di *Jadual 2.3*. Kumpulan elektrik, elektronik dan jentera mencatat

peningkatan tertinggi seiring dengan pemulihan permintaan elektronik dunia. Ini diikuti oleh produk berasaskan getah dan kayu berikutan pemulihan ekonomi dunia yang lebih kukuh.

Output elektrik dan elektronik (E&E) melonjak 24.4% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 4.3%) didorong oleh kenaikan permintaan global ke atas separa konduktor. Di samping itu, aktiviti pensusmeran luar yang lebih meluas serta pembangunan perisian turut mengukuhkan pertumbuhan sektor ini. Output separa konduktor yang merangkumi satu pertiga daripada jumlah keseluruhan sektor pembuatan meningkat tinggi sebanyak 33.4% (Januari-Jun 2003: 7.8%), selaras dengan kenaikan jualan separa konduktor yang lebih tinggi sebanyak 14.1% dalam tempoh yang sama (Januari-Jun 2003: 6.9%). Peningkatan ini juga adalah didorong oleh pembangunan kemudahan infrastruktur jalur lebar yang semakin meluas dalam sektor ICT bagi menampung peningkatan permintaan dunia untuk *supply network* dan

CARTA 2.3

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan.

kemudahan *back-office*. Berlandaskan kepentingan industri separa konduktor dari segi sumbangannya kepada KDNK dan eksport, usaha diteruskan untuk membangun industri ini terutama yang melibatkan reka bentuk dan pembungkusan litar bersepadu termaju.

Pengeluaran jentera bukan elektrik termasuk ekzos serta unit pembersih dan penyaman udara, juga berkembang 16.3% (Januari-Jun 2003: 10.4%), berikutan pesanan jualan yang lebih tinggi dari pasaran tempatan dan luar negara. Malaysia kekal sebagai pengeluar penyaman udara terbesar dunia sejak 1980-an dengan Jepun, AS, UK dan negara Timur Tengah merupakan pasaran eksport utama.

Industri berasaskan kayu yang merangkumi kedua-dua aktiviti hiliran dan huluan, berkembang ketara sebanyak 17.4% (Januari-Jun 2003: 1.8%). Pertumbuhan ini didorong oleh pengeluaran papan lapis, gentian keras dan *particleboard* yang meningkat 20.9% berikutan terutamanya oleh peningkatan eksport ke pasaran utama seperti AS, UK dan Jepun. Malaysia perlu terus meningkatkan daya saingnya berikutan meningkatnya persaingan dari pengeluar berkongsi rendah. Ke arah ini, usaha telah diambil untuk meningkatkan kualiti produk melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D), pengenalan reka bentuk dan produk baru serta memperbaiki proses pengeluaran dengan teknologi baru dan automasi yang lebih meluas. Contoh produk yang baru diperkenalkan termasuk *laminated scantling* untuk pintu dan rangka kayu serta kertas dan gentian untuk bahan bangunan dari kenaf yang mesra alam.

Pengeluaran **industri berasaskan getah** yang meliputi produk berasaskan susu getah, tayar dan tiub serta kasut getah meningkat 19.8% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 12%). Semua kategori produk getah mencatat pertumbuhan ketara dalam tempoh yang sama. Seiring dengan pengeluaran yang lebih tinggi, jualan produk getah meningkat 25.1% dalam tempoh yang sama (Januari-Jun 2003: 23.9%), dengan jualan tayar dan tiub meningkat 7% berikutan permintaan luaran yang lebih tinggi dan jualan industri automobil yang melonjak.

Industri **tekstil, pakaian dan kasut** berada pada kedudukan kukuh untuk memenuhi permintaan pasaran dengan lebih banyak syarikat menggunakan pendekatan pasaran sasaran memandangkan pasaran kini berbeza-beza dan memerlukan reka bentuk pakaian serta kasut yang lebih baik dan berkualiti. Pendekatan ini telah membolehkan pengeluar menumpukan kepada pengeluaran produk bernilai tambah tinggi.

Pengeluaran **industri berorientasi domestik** menunjukkan tren meningkat sejak Mei 2002. Pada separuh pertama tahun 2004, output industri ini berkembang 10.8% (Januari-Jun 2003: 11.3%) berikutan pertumbuhan positif industri plastik dan kimia, logam asas dan kelengkapan pengangkutan serta makanan dan minuman.


Produk kimia dan plastik yang merangkumi kimia dan produk kimia, kimia perindustrian serta produk plastik, meningkat 17.8% dalam tempoh enam bulan pertama 2004 (Januari-Jun 2003: 20%). Bahan kimia dan produk kimia kekal sebagai penyumbang utama, meningkat lebih tinggi sebanyak 19% (Januari-Jun 2003: 15.1%) berikutan pertambahan permintaan farmaseutikal, cat dan lakuer. Sejajar dengan itu, jumlah jualan turut mencatat peningkatan sebanyak 20.2%. Begitu juga, peningkatan aktiviti sektor pertanian dan perladangan telah meningkatkan jualan subsektor baja dan racun serangga sebanyak 62%. Produk plastik yang diproses sebagai komponen industri E&E dan automotif, turut berkembang 16.1% (Januari-Jun 2003: 28%). Produk ini juga meningkat berikutan pertambahan permintaan domestik untuk bahan pembungkusan dalam industri memproses makanan.

Output **industri berkaitan pembinaan** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 20.5% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 7%). Peningkatan ini didorong oleh permintaan luaran bagi tiub dan paip keluli. Pengeluaran produk logam ditempa meningkat tinggi sebanyak 31.2% (Januari-Jun 2003: 6%), sementara besi dan keluli meningkat lebih sederhana pada kadar 7.1% (Januari-Jun 2003: 8.7%). Sebaliknya, output produk galian bukan logam seperti simen dan konkrit mencatat penguncupan 5.5% (Januari-Jun 2003: 11.6%) berikutan siapnya beberapa projek infrastruktur awam utama.

Perkembangan aktiviti ekonomi domestik serta sentimen pengguna dan perniagaan yang

CARTA 2.4

Pertumbuhan Industri Berorientasi Domestik dan Eksport (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan.

bertambah baik mendorong peningkatan output **kelengkapan pengangkutan** sebanyak 4.4% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2004, selepas mencatat penguncupan 10.1% dalam tempoh yang sama tahun lepas. Pengeluaran kereta penumpang melonjak 7.8% (Januari-Jun 2003: -20.5%) disebabkan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan pengenalan model baru. Sementara itu, prestasi sektor korporat yang lebih baik telah meningkatkan permintaan kenderaan perdagangan kepada 5.2% (Januari-Jun 2003: 0.9%). Begitu juga, pengeluaran motosikal dan skuter meningkat lebih tinggi sebanyak 56.9% (Januari-Jun 2003: 2.9%) berikutan jangkaan permintaan untuk motosikal dan skuter yang lebih menggalakkan.

Walaupun industri **makanan, minuman dan tembakau** mencatat pertumbuhan output yang lebih rendah pada kadar 2% (Januari-Jun 2003: 12.3%), namun menyumbang 9.1% kepada output pembuatan. Walaupun import makanan meningkat, keupayaan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport makanan adalah

membanggakan dengan jumlah jualan meningkat 11.9% kepada RM8,394 juta. Jualan minuman ringan dan air berkarbonat melonjak 55.9% (Januari-Jun 2003: -3.7%) sementara koko, coklat dan manisan meningkat lebih perlahan sebanyak 4.1% (Januari-Jun 2003: 34.6%).

Malaysia kekal sebagai peneraju dalam mempromosi industri **makanan halal**. Logo halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai standard akreditasi sejajar dengan hukum Syariah telah diiktiraf secara meluas. Malaysia akan terus memanfaatkan potensi makanan halal memandangkan permintaan global yang kian meningkat. Pengeluaran makanan halal termasuk produk bungkus segar (buah-buahan dan sayur-sayuran), sejuk-beku (makanan laut, ayam-itik dan daging) serta makanan proses dan dalam tin (snek dan makanan sedia dimakan). Permintaan terhadap produk makanan halal dijangka terus meningkat berikutan bertambahnya kesedaran masyarakat Islam terhadap tuntutan peraturan pemakanan Islam.

MALAYSIA: PEMBENTUKAN HAB MAKANAN HALAL

Pengenalan

Pasaran global untuk makanan halal semakin menguntungkan. Potensi pasaran bagi produk ini dianggarkan berada dalam lingkungan RM1,330 – RM1,520 bilion (USD350 – USD400 bilion) setahun berasaskan kepada bilangan penduduk Muslim sedunia lebih kurang 1.8 bilion. Permintaan terhadap makanan ini dijangka kian meningkat, memandangkan semakin ramai penganut Islam mematuhi tuntutan syariah mengenai pemakanan serta minat umum masyarakat lain terhadap produk alternatif seperti makanan yang selamat, bersih dan berkhasiat. Pasaran yang luas ini semestinya menyediakan peluang yang besar kepada sesiapa yang berminat untuk meneroka dan membangunkan industri ini. Dalam hal ini, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk menjadi hab industri makanan halal global berdasarkan kedudukannya yang berwibawa sebagai sebuah negara Islam yang progresif, sederhana dan dinamik.

Hala Tuju Dasar

Hala tuju dasar yang penting bagi pembangunan industri makanan halal di Malaysia telah dinyatakan melalui pelbagai strategi dan langkah dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2), 1996-2005. Di bawah IMP2, salah satu hala tuju strategik yang digubal ialah usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab makanan halal antarabangsa. Beberapa sektor yang berpotensi dalam pemrosesan makanan telah dikenal pasti, termasuk produk ternakan dan pemrosesan daging halal. Pelan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDP), 2001-2005 serta Dasar Pertanian Negara Ketiga (NAP3), 1998-2010 turut menyediakan hala tuju tambahan kepada industri ini. Langkah yang diambil dalam mempersiapkan Malaysia menjadi hab makanan halal, antaranya, termasuk usaha membangun keupayaan dalam bidang pemeriksaan, pemantauan, pempiawaan dan pensijilan standard halal serta menggalakkan industri halal.

Malaysia sebenarnya telah pun terlibat secara aktif dalam pembentukan garis panduan halal di peringkat serantau dan antarabangsa. Perbincangan mengenai pelabelan makanan mengikut syariat Islam telah pertama kali dicetuskan oleh Malaysia semasa Sesi Kedua Mesyuarat *Codex Coordinating Committee for Asia* di Manila, Filipina pada tahun 1979. Peruntukan pelabelan bagi produk daging diproses mengikut syariat Islam dan sebagaimana yang dipraktikkan di Malaysia telah dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan. Pada tahun 1994, dalam mesyuarat yang sama bagi Sesi Kesembilan di Beijing, China, draf garis panduan yang dicadangkan oleh Malaysia bagi penggunaan terma halal telah diterima pakai oleh *Codex Committee on Food Labelling*. Garis panduan ini menyediakan maklumat asas dan umum yang diperlukan bagi pengeluaran makanan halal.

Dalam negara pula, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah diberi tugas untuk menyelaras dan menjayakan inisiatif dan usaha pembangunan makanan halal dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Sementara MITI menyelaras dan merujuk industri mengenai isu, prosedur dan pelaksanaan, di samping memainkan peranan utama dalam kerjasama antarabangsa, MOA melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan (DVS) menyediakan khidmat teknikal yang diperlukan dalam kerja-kerja penyelidikan dan pensijilan, terutamanya bagi produk daging. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula dilantik sebagai badan tunggal berwibawa bagi mengeluarkan sijil halal untuk kedua-dua pasaran domestik dan antarabangsa dengan standard akreditasi halal yang ketat. Sementara Kementerian Kesihatan (MOH) bertanggungjawab kepada kawalan kualiti kesihatan, Jabatan Standard (DSM) ditugaskan dalam pengujian makmal dan sistem akreditasi. SIRIM Berhad (asalnya dikenali sebagai Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia), dengan tugasnya mewujudkan kecemerlangan dalam teknologi serta menggalakkan penerimaan produk dan perkhidmatan Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa, dipertanggungjawabkan untuk mengadakan garis panduan piawaian untuk makanan halal bagi mencapai tahap penerimaan antarabangsa.

Pengeluaran Makanan Halal di Malaysia

Pada masa ini, pengeluaran makanan halal di Malaysia agak kecil sebagaimana dicerminkan oleh nilai tambah keluaran pembuatan makanan (termasuk minyak masak dan minuman) sebanyak RM10,876 juta atau 2.8% daripada KDNK dalam nilai semasa pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada peningkatan nilai tambah tahunan yang kukuh sebanyak 7.3% dalam tempoh sedekad yang lalu (1994-2003), potensi industri ini untuk terus berkembang adalah menggalakkan. Di samping itu, subsektor pertanian bagi perikanan, ternakan dan pelbagai (sayur-sayuran dan buah-buahan) yang sebahagiannya mempunyai kaitan dengan industri makanan halal menyumbang RM10,376 juta atau 2.6% kepada KDNK pada tahun 2003, meningkat 6.6% setahun dalam tempoh yang sama. Pengeluaran produk ternakan ayam-itik terutamanya, mempunyai prospek yang terbaik untuk memperkembangkan lagi pasaran eksport. Ini memandangkan ketika ini Malaysia berada pada kedudukan ke-12 tertinggi di kalangan negara pengeksport ayam-itik dan menyumbang 1.5% kepada bahagian pasaran global. Bagi daging lembu dan kambing pula, langkah sedang diambil untuk mempergiatkan lagi pengeluaran tempatan memandangkan industri ini menyumbang hanya kira-kira satu perempat kepada jumlah permintaan domestik.

Pada masa ini juga, Malaysia merupakan negara pengimport bersih makanan. Pada tahun 2003, jumlah perdagangan negara bagi produk makanan bernilai RM21,188 juta, dengan RM12,745 juta atau 60.2% daripadanya merupakan import. Dari segi destinasi eksport, Singapura merupakan pasaran terbesar dengan menyumbang RM2,146 juta atau 25.4% daripada jumlah eksport, diikuti oleh negara ASEAN lain (kecuali Singapura) sebagai satu kumpulan (RM1,712 juta; 20.3%), EU (RM1,359 juta; 16.1%), China/Hong Kong (RM569 juta; 6.7%), AS (RM504 juta; 6%) dan Jepun (RM415 juta; 4.9%). Walaupun nilai eksport ke pasaran Asia Barat agak kecil (RM513 juta; 6.1%), namun begitu, pasaran ini berpotensi untuk terus berkembang memandangkan bilangan pengguna Muslim yang ramai di rantau berkenaan.

Pensijilan: Logo Halal JAKIM

Pewujudan pasaran yang besar bagi makanan halal di kalangan pengguna Muslim menyediakan peluang yang luas kepada pelabur, pengusaha dan pengeksport untuk menceburi dan mengembangkan penguasaan bahagian mereka dalam pasaran ini. Walaupun keadaan pasaran seperti ini sangat kompetitif, Malaysia mempunyai kedudukan yang mantap dan memiliki kelebihan selaku penggerak utama memandangkan logo/pensijilan halal JAKIM telahpun mendapat pengiktirafan di seluruh dunia berikutan penggunaan kriteria yang ketat. Hakikatnya, logo/pensijilan ini yang semakin mendapat permintaan daripada negara lain mencerminkan keyakinan pengguna terhadap produk berkenaan mematuhi hukum syariah dan juga berkualiti. Selaras dengan keperluan status halal, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa garis panduan dan mekanisme kawalan bagi membantu kedua-dua pengeluar tempatan dan antarabangsa dalam pengeluaran makanan halal. Bagi menjamin dan memantau keseragaman dan pematuhan makanan halal dalam pasaran domestik, satu Jawatankuasa Halal-Haram di bawah Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada tahun 1982. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (MDTCA), MOH dan DVS serta ahli-ahli saintis dari universiti tempatan. Isu-isu berkaitan dengan kesahihan dan kualiti makanan halal serta keseluruhan proses pengeluaran diberi perhatian serius kerana ianya melibatkan sentimen agama. Pemantauan ini dicerminkan oleh pelbagai instrumen perundangan yang sedia diguna pakai untuk tujuan penguatkuasaan seperti:

- a. Peraturan Perihal Dagangan (Penggunaan Perbahasaan Halal), 1975;
- b. Peraturan Perihal Dagangan (Penandaan Makanan), 1975;
- c. Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import), 1988;
- d. Perintah Haiwan (Import), 1962;
- e. Undang-undang Kecil oleh Pihak Berkuasa; dan
- f. Garis panduan oleh JAKIM, DSM dan SIRIM Berhad.

Bagi mengukuhkan lagi pembangunan industri makanan halal, pada 10 Julai 2004, Kerajaan telah mewartakan Standard Malaysia MS1500 "Garis Panduan Asas bagi Pengeluaran, Penyediaan, Pengawalan dan Penyimpanan Makanan Halal". Syarat penting di bawah garis panduan ini ialah keperluan untuk mematuhi *Good Manufacturing Practices* (GMP) dan *Good Hygiene Practices* (GHP). Piawaian baru ini akan mengukuhkan lagi keunggulan kedudukan pensijilan halal JAKIM yang merupakan logo halal yang paling lama diwujudkan dan yang paling banyak dikenali di seluruh dunia.

Bagi negara pengeksport makanan halal ke Malaysia pula, hanya sijil yang dikeluarkan oleh badan bertauliah yang kompeten, diiktiraf dan diperakui oleh JAKIM diterima pakai. Oleh itu, pengeksport makanan halal ke Malaysia perlu melalui pematuhan syarat pemeriksaan di negara masing-masing oleh badan yang ditauliah oleh JAKIM. Pengiktirafan badan pensijilan ini berasaskan kepada rekod perkhidmatan serta kompetensi dan kebolehan mereka dalam mematuhi standard dan kualiti pengeluaran dan pemrosesan makanan halal.

Kelebihan Bandingan Malaysia

Malaysia menyediakan peluang yang besar kepada pengusaha dan pelabur untuk menguasai sebahagian besar daripada pasaran makanan halal dunia yang berkembang. Kerajaan telahpun mengenal pasti industri makanan halal sebagai sumber baru aktiviti ekonomi, selaras dengan strategi pada masa ini untuk membangunkan sektor pertanian sebagai penjana pertumbuhan ketiga. Malaysia mempunyai kelebihan bandingan untuk menggerakkan industri makanan halal yang maju ke hadapan dan seterusnya memperoleh pengiktirafan antarabangsa sebagai "hab semulajadi". Beberapa faktor pemangkin adalah seperti berikut:

- a. Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara Islam yang progresif, sederhana dan dinamik;
- b. negara mempunyai asas pengeluaran industri halal yang kukuh dengan kemudahan infrastruktur perindustrian dan komersil yang baik serta rangkaian yang kukuh antara dan sesama syarikat multinasional antarabangsa (MNC) dan enterpris kecil dan sederhana (EKS);
- c. negara memiliki tenaga kerja yang berkemahiran serta teknologi pemrosesan;
- d. logo halal JAKIM mendapat pengiktirafan dan perakuan di seluruh dunia berikutan pelaksanaan sistem verifikasi dan akreditasi yang ketat;
- e. Kerajaan memberi sokongan kuat dalam pembangunan pertanian, terutamanya industri makanan halal; dan
- f. Malaysia merupakan ahli yang dihormati di kalangan masyarakat Muslim sedunia dan pada masa ini berperanan sebagai pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Malaysia juga bekerjasama rapat dengan ahli OIC lain untuk mempromosikan makanan halal di seluruh dunia. Bagi mencapai matlamat ini, Malaysia berpeluang untuk menubuhkan sebuah Pusat Makanan Halal Antarabangsa (IHFC) dan berperanan bukan hanya sebagai pengeluar makanan halal sedunia bahkan juga sebagai sebuah pusat untuk pemasaran, pensijilan dan rujukan. Bagi merencanakan lagi perkembangan perdagangan produk halal di kalangan ahli OIC melalui sistem perdagangan keutamaan, satu Perjanjian Rangka Kerja telah ditandatangani pada 30 Jun 2004. Perjanjian ini mengandungi konsesi tarif keutamaan di kalangan 23 negara penyertaan berkenaan. Begitu juga dengan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN-China dalam tempoh sedekad akan datang, ia juga dijangka meningkatkan lagi aktiviti perdagangan halal di rantau ini. Kedua-dua negara ASEAN dan China menyediakan satu pasaran yang menguntungkan bagi produk halal, memandangkan rantau ini didiami oleh penduduk Muslim yang ramai.

Pembangunan Industri Makanan Halal: Inisiatif Baru

Malaysia mempunyai industri pasaran makanan halal dalam negeri yang besar dan negara kini bersiap siaga untuk muncul sebagai salah satu pengeluar dan pembekal utama dunia. Memandangkan

pasaran domestik bernilai melebihi RM5 bilion dan nilai pasaran makanan halal seluruh dunia yang besar, ini memberi peluang kepada industri Malaysia untuk menerokainya. Bagi meletakkan Malaysia sebagai pusat antarabangsa dengan memanfaatkan kelebihan daya saing negara selaku penggerak utama dan mencipta pasaran halalnya yang tersendiri, beberapa inisiatif dalam pembangunan industri makanan halal dikenal pasti, termasuk:

- a. membangun dan meningkatkan keupayaan menjadikan JAKIM sebagai badan Islam antarabangsa berwibawa dalam bidang pemeriksaan, pemantauan dan pensijilan produk halal;
- b. mengadakan standard dan kualiti yang seragam untuk memberi lebih keyakinan dan kepastian dalam pembangunan industri halal, terutamanya dalam memajukan teknologi pemprosesan serta menambah baik kualiti, reka bentuk dan pembungkusan produk;
- c. mematuhi piawai antarabangsa bagi keselamatan dan kualiti makanan. Beberapa program telah dilaksanakan, termasuk GAP serta *good aquaculture and animal husbandry practices* bagi memastikan hasil produk ladang tempatan yang selamat, bersih dan berkhasiat;
- d. mempertingkat dan memodenkan aspek logistik industri halal seperti makmal, rumah penyembelihan haiwan dan pusat penyimpanan sejuk; dan
- e. menjalinkan perkongsian pintar dengan negara lain dan sektor korporat dalam pembangunan industri halal.

Usaha membangunkan pusat makanan halal juga sedang dilaksanakan. Kawasan yang disediakan dengan kemudahan infrastruktur dan pemprosesan yang sesuai telahpun dikenal pasti untuk dimajukan sebagai zon pengeluaran makanan halal. Antaranya ialah Pulau Indah di Selangor, Pantai Remis di Perak, Serkam di Melaka, Pedas di Negeri Sembilan, Paya Palawan di Kedah dan Gambang di Pahang. Bagi Sabah dan Sarawak, program awal sedang dilaksanakan.

Untuk melengkapinya dengan sumber manusia yang berkebolehan, terutamanya kemahiran khusus bagi keperluan akreditasi halal, satu kursus khas diperkenalkan oleh JAKIM dengan dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian Melaka untuk graduan dalam pengajian Islam. Sejumlah 30 pelajar diterima pada tahun 2004 dan seramai 20 pelajar lagi akan mengikuti kursus ini pada tahun 2005.

Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai insentif yang secara langsung dan tidak langsung mempunyai kaitan dengan pembangunan industri makanan halal. Antaranya ialah peruntukan taraf perintis dan elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula dan elaun modal dipercepatkan, pengecualian duti import dan cukai jualan, insentif R&D bagi meningkatkan kualiti, potongan cukai dua kali bagi mempromosikan eksport dan jenama Malaysia di samping potongan cukai satu kali untuk perbelanjaan mendapatkan pensijilan halal serta pensijilan dan akreditasi kualiti. Sementara Kerajaan terus menyediakan insentif dan kemudahan yang diperlukan oleh industri, sektor swasta juga perlu lebih berdaya usaha dan memberi sambutan yang positif bagi merealisasikan matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab makanan halal antarabangsa yang dikenali ramai.

Penutup

Pasaran produk halal sememangnya amat luas dan berpotensi untuk digarap dan dimajukan. Malaysia sebagai sebuah negara Islam membangun yang berjaya dengan asas perindustriannya yang kukuh dan kemahiran pengurusan ekonominya yang cekap, kini bersiap siaga untuk menerokai pasaran antarabangsa. Dengan penekanan diberikan kepada sektor pertanian sebagai penjana pertumbuhan ekonomi ketiga serta usaha yang lebih gigih digembleng untuk memperkasakan sektor pertanian yang moden dan cergas, maka prospek bagi industri makanan halal adalah menyakinkan serta berupaya untuk meyumbang dengan ketara kepada ekonomi negara.

Sektor Pertanian

Pertumbuhan sederhana sektor pertanian disokong subsektor getah, perikanan dan ternakan...

Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan terus mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan dijangka sederhana kepada 2.8% pada tahun 2004 (2003: 5.7%) disebabkan sebahagian besarnya oleh pertumbuhan sederhana pengeluaran CPO selepas mengalami pertumbuhan tinggi pada tahun 2003. Pertumbuhan keseluruhan sektor pertanian pada 6 bulan pertama tahun 2004 meningkat 3.2%, didorong kebanyakannya oleh peningkatan pengeluaran komoditi getah dan makanan, terutamanya ikan, ternakan dan buah-buahan, memperlihatkan penekanan Kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan import makanan.

Pengeluaran CPO dijangka meningkat perlahan kepada 0.7% (2003: 12.1%) atau 13.5 juta tan pada tahun 2004, berikutan kitaran menurun

hasil pengeluaran biologi pokok kelapa sawit selepas mencatat peningkatan pengeluaran dua digit pada tahun 2004. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004, pengeluaran CPO merosot 2.1% berbanding peningkatan 16.3% dalam tempoh yang sama tahun 2003. Walau bagaimanapun, kadar perahan minyak yang lebih tinggi dan peluasan kawasan matang di Sabah dan Sarawak membantu mengimbangi penurunan pengeluaran sehektar. Semenanjung Malaysia masih menyumbang sebahagian besar pengeluaran CPO (58%) diikuti oleh Sabah (35%) dan Sarawak (7%). Secara keseluruhan, jumlah kawasan penanaman, termasuk kawasan yang disasarkan terutamanya di Sabah dan Sarawak, dijangka meningkat 2.1% kepada 3,883 juta hektar. Daripada jumlah ini, 60% merupakan pemilikan korporat, 30% dimiliki oleh entiti Kerajaan seperti Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan Berhad (FELCRA) serta bakinya oleh pekebun kecil. Pada masa ini, kumpulan FELDA merupakan pengeluar CPO terbesar Malaysia dengan pengeluaran 2.53 juta tan metrik pada tahun 2003. Pada peringkat dunia, Malaysia masih mengekalkan kedudukan sebagai pengeluar dan pengeksport CPO terbesar.

Harga CPO telah menunjukkan prestasi yang amat baik dalam tempoh separuh pertama tahun 2004, dengan purata RM1,848 setan metrik ekoran kekurangan bekalan dalam pasaran minyak sayuran dan lemak global serta permintaan yang terus kukuh dari China dan Kesatuan Eropah. Walau bagaimanapun, harga CPO dijangka sederhana pada separuh kedua tahun ini. Arah aliran menurun dalam separuh kedua tahun 2004 disebabkan sebahagiannya oleh jangkakan harga minyak soya yang lebih rendah berikutan hasil pengeluaran kacang soya yang lebih baik di AS tahun ini, melainkan berlakunya cuaca buruk. Justeru, harga purata CPO dijangka berada pada sekitar RM1,650 setan metrik pada tahun 2004 (2003: RM1,544 setan metrik).

Untuk mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai peneraju pasaran CPO global, Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) terus mempergiatkan kerja-kerja R&D dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kadar

JADUAL 2.4

Nilai Ditambah Sektor Pertanian, Ternakan, Perhutanan dan Perikanan 2003-2004 (pada harga benar 1987)

	Pertumbuhan (%)		Sumbangan kepada Pertanian (%)	
	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹
Pertanian, perhutanan dan perikanan	5.7	2.8	100	100
Kelapa sawit	11.3	0.5	35.3	34.5
Perhutanan dan pembalakan	2.0	-1.8	13.7	13.1
Perikanan	3.7	3.2	12.5	12.6
Getah	11.3	14.8	10.0	11.1
Pertanian lain ²	0.3	3.6	28.5	28.7

¹ Anggaran.

² Termasuk ternakan, koko, padi dan pelbagai pertanian seperti buah-buahan, kelapa kering, sayur-sayuran, tembakau, teh, bunga-bunga, lada hitam dan nanas.

JADUAL 2.5

Keluasan Tanaman Kelapa Sawit dan Pengeluaran Minyak Sawit 2003-2004

			Perubahan (%)	
	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹
Keluasan tanaman ('000 hektar)	3,802	3,883	3.6	2.1
Kawasan matang ('000 hektar)	3,303	3,373	3.6	2.1
Pengeluaran ('000 tan metrik)				
Minyak sawit mentah	13,355	13,450	12.1	0.7
Minyak isirong sawit	1,644	1,680	11.6	2.2
Hasil (tan metrik/hektar) ²	10.6	9.7	9.5	-8.7

¹ Anggaran.

² Hasil buah sawit (Januari-Julai).

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

perahan minyak sawit serta memanjangkan tempoh guna produk berasaskan minyak sawit. Di samping itu, lebih banyak usaha ditumpukan untuk memperkenalkan produk baru berasaskan CPO melalui kegiatan R&D yang intensif, termasuk pengkomersilan, pengeluaran dan pemasaran. Antara produk yang telah berjaya dikomersilkan pada peringkat tempatan dan antarabangsa ialah minyak sawit merah dan krimer bukan-hidrogen berasaskan minyak sawit. Kerajaan juga meningkatkan usaha penyelidikan produk bernilai tinggi daripada *mesocarp* kelapa sawit, *biomass* dan bahan buangan yang dikisar daripada minyak sawit dan *nutraceutical*, *pharmaceutical* dan aplikasi kosmetik. Lebih banyak program dan kempen sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kelebihan minyak sawit dari segi kesihatan bagi meluaskan lagi penerimaan pasaran dan penggunaan minyak sawit serta produk berkaitan di luar negara.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2004, pengeluaran getah meningkat tinggi sebanyak 27.6% kepada 582,000 tan metrik. Ini disebabkan sebahagian besarnya oleh harga getah lebih baik yang mendorong pekebun kecil meningkatkan pengeluaran. Jumlah kawasan penanaman getah dianggar sekitar 1.28 juta

hektar (2003: 1.32 juta hektar) iaitu pengurangan 2.5%, seperti di *Jadual 2.6*. Walau bagaimanapun, teknologi penorehan seperti Sistem Penorehan Intensiti Rendah (LITS) dan klon pokok getah yang lebih baik membantu meningkatkan output getah. Oleh itu, jumlah pengeluaran getah dianggar meningkat sebanyak 17.6% kepada 1.16 juta tan metrik pada tahun 2004 (2003: 10.6%; 986,000 tan metrik. Kira-kira 70% daripada jumlah penggunaan getah digunakan bagi pengeluaran industri seperti sarung tangan, *catheters*, tayar dan tiub. Usaha R&D untuk menambahbaik klon berhasil tinggi adalah mustahak demi memastikan bekalan getah asli pada jangka masa panjang dapat memenuhi keperluan industri hiliran. Kerajaan turut memulakan program Penanaman Hutan Getah bagi meningkatkan bekalan kayu getah untuk memenuhi permintaan yang kian meningkat daripada industri perabot. Pada masa ini, sejumlah 1,800 ekar plot percubaan di bawah program ini telah ditanam dengan klon kayu getah yang telah ditambahbaik seperti siri-siri RRM 2000. Program ini akan memastikan kira-kira 25,000 hektar tanah ditanam dengan klon

JADUAL 2.6

Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Getah 2003-2004

			Perubahan (%)	
	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹
Jumlah kawasan ('000 hektar)				
Kebun kecil	1,176	1,156	-1.6	-1.7
Estet	139	126	-9.2	-9.4
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	1,270	1,290	14.8	1.6
Estet	1,334	1,365	9.3	2.3
Jumlah pengeluaran ('000 tan)				
Kebun kecil	909	1,090	12.9	19.9
Estet	77	70	-10.6	-9.0
% daripada pengeluaran dunia	12.3	13.8	1.7	12.2

¹ Anggaran.

Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Jabatan Statistik.

berkenaan setiap tahun bagi tempoh 15 tahun. Dalam pada itu, Kerajaan meneruskan pelaksanaan program penyatuan dan pemulihan tanah bagi mengoptimumkan penggunaannya dan mencapai ekonomi bidangan untuk pekebun kecil.

Harga getah telah berada pada arah aliran meningkat sejak separuh kedua tahun 2002. Harga purata SMR20 dalam tempoh Januari hingga Julai 2004 meningkat 39.3% kepada RM4.71 sekilogram berbanding RM3.38 sekilogram dalam tempoh yang sama tahun 2003. Kenaikan ini telah disokong oleh permintaan luar yang kukuh, terutamanya dari China, bekalan stok dunia yang rendah dan keberkesanan campur tangan *International Tripartite Corporation* (ITRCo) dalam menstabilkan harga pada paras yang kompetitif bagi pengeluar. Keberkesanan pakatan ini telah dimantapkan lagi dengan penyertaan Vietnam pada bulan April 2004.

Dalam subsektor **perhutanan dan pembalakan**, jumlah keluasan hutan kekal dibenar terbang tahunan akan disesuaikan untuk memastikan penebangan sumber hutan terus berada dalam had yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian Kayu Balak Tropika Antarabangsa (ITTA). Oleh itu, pengeluaran keseluruhan **kayu balak** dijangka berkurangan dengan pengeluaran di Sarawak turun 2% kepada 11.9 juta meter padu (m^3) dan di Sabah berkurangan 2.3% kepada 4.2 juta m^3 , sejajar dengan dasar pengurusan hutan mapan.

Nilai ditambah subsektor **perikanan** yang terdiri daripada pendaratan hasil laut dan akuakultur dianggarkan meningkat 3.2% dan mewakili 12.6% daripada jumlah keseluruhan sektor pertanian bagi tahun 2004. Ini sebahagian besarnya merupakan hasil usaha Kerajaan untuk mempromosi kegiatan akuakultur dan meningkatkan jumlah pendaratan ikan laut melalui langkah-langkah seperti pemodenan kaedah penangkapan ikan dan peluasan Zon Perindustrian Akuakultur. Untuk membangunkan lagi subsektor ini, Kerajaan telah memperkenalkan langkah khusus untuk menggalakkan penangkapan ikan di luar pesisir dan laut dalam. Penangkapan ikan laut dalam telah diberi keutamaan ekoran kadar pulangan yang lebih lumayan dan kawasan penangkapan yang luas.


Langkah-langkah yang telah diambil, termasuk menaik taraf Pelabuhan Laut Dalam Kuantan dan Tok Bali di Semenanjung Malaysia serta pembinaan pelabuhan bersepadu laut dalam yang baru di Tanjung Manis, Sarawak. Langkah tersebut juga meliputi infrastruktur sokongan seperti kompleks pendaratan ikan dan kilang ais. Kerajaan juga telah memperkenalkan teknologi dan peralatan baru di samping melanjutkan tempoh latihan untuk meningkatkan lagi kemahiran nelayan laut dalam.

Pertanian lain yang terdiri daripada ternakan, koko, padi dan pelbagai pertanian dianggar berkembang 3.6% dan menyumbang 28.5% kepada jumlah nilai ditambah sektor pertanian bagi tahun 2004. **Ternakan** yang merupakan komponen terbesar dijangka berkembang 7.5% (2003: 4.9%), disumbangkan sebahagiannya oleh pertambahan pengeluaran daging lembu dan kambing, terutamanya melalui kegiatan penternakan bersepadu di ladang kelapa sawit dan getah. Pengeluaran ayam-itik dianggar meningkat 7.9% (2003: 13.6%) kesan daripada larangan pengimportan ayam-itik dan produk berkaitan dari negara yang dilanda wabak selesema burung. Pengeluaran **koko** dianggar berkembang 10.5% pada tahun 2004 setelah menguncup 24.1% pada tahun sebelumnya disebabkan pengukuhan harga biji koko kering dan keadaan cuaca yang menggalakkan. Harga biji koko kering pula dianggar berada antara RM4,500 hingga RM5,500 setan metrik pada tahun 2004. Nisbah eksport biji koko kepada hasil keluaran koko telah berubah kepada 6.5%:93.5% pada tahun 2003 berbanding 12%:88% pada tahun 2002, menunjukkan peningkatan dalam aktiviti pemprosesan hiliran.

Pengeluaran padi dianggar merosot 3.3% kepada 2.8 tan sehektar pada tahun 2004 (2003: 3 tan sehektar) berikutan penurunan hasil tuaian padi akibat ancaman penyakit padi angin. Bagaimanapun, jumlah keseluruhan kawasan penanaman dianggar bertambah 0.4% kepada 674,800 hektar pada tahun 2004. Kawasan ini termasuk kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah, kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Kelantan, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Seberang Perai di Pulau Pinang, IADP Seberang Perak di Perak, IADP Projek Barat

CARTA 2.5

Nilai Ditambah Komoditi Utama



Sumber: Jabatan Perangkaan.

Laut Selangor dan Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (Ketara) di Terengganu. Antara langkah yang diambil untuk meningkatkan hasil padi sehektar, termasuk penanaman padi secara komersial dan berskala besar, menggiatkan penglibatan sektor swasta dan pembangunan keusahawanan. Di samping itu, agensi Kerajaan dan organisasi berkaitan, termasuk Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan koperasi telah dipertanggungjawab bagi menggalakkan penggabungan dan penyatuan sawah kecil menjadi mini estet untuk mengurangkan kos, mengoptimalkan pengeluaran dan meningkatkan ekonomi bidang. Sektor swasta juga digalakkan untuk meneroka kawasan baru penanaman padi, terutama di Sabah dan Sarawak. Berikutan ini, sebuah syarikat swasta telah memulakan penanaman padi organik sebagai produk terkhas baru untuk pasaran beras tempatan.

Output hasil pertanian pelbagai seperti buah-buahan, kelapa kering, sayur-sayuran, tembakau, teh, bunga-bunga, lada hitam dan lain-lain

dianggap meningkat 1.6% pada tahun 2004 (2003: -0.7%). Pengeluaran buah-buahan dijangka mencatat peningkatan 13.1%, hasil usaha gigih Kerajaan untuk mempromosikan pemakanan buah-buahan tempatan melalui pesta makanan dan pelbagai kempen berkaitan. Di samping itu, Kerajaan telah melancarkan label "Malaysia's Best" pada bulan Jun 2004 untuk mempromosi buah-buahan tempatan yang berkualiti dan selamat dimakan bagi memastikan akses lebih baik di pasaran luar negara yang lebih lumayan. Produk Malaysia's Best yang pada masa ini terdiri daripada betik, nanas, mangga, belimbing dan tembikai boleh didapati di 13 pasar besar dan pasaraya. Kerajaan juga telah memperkenalkan Skim Akreditasi Ladang Malaysia (SALM) untuk pensijilan ladang bagi memastikan penanaman mengikut amalan pertanian terbaik. Setakat kini, 102 ladang telah diakreditasi dengan sijil SALM. Kegigihan Kerajaan dalam mempromosikan buah-buahan tempatan yang berkualiti dan selamat dimakan telah membolehkan beberapa jenis buah-buahan

JADUAL 2.7

**Pengeluaran Pertanian Lain
2003-2004**
(‘000 tan metrik)

			Perubahan (%)	
	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹
Padi	2,259	2,184	3.6	-3.3
Koko	36.2	40.0	-24.1	10.5
Lada Hitam	18.2	15.0	-19.8	-17.6
Tembakau ²	120	123	18.2	2.5
Buah-buahan ³	1,689	1,910	31.4	13.1
Ternakan				
Daging ⁴	1,096	1,158	10.9	5.7
Telur(‘000) ⁵	7,165	7,883	8.2	10.0
Susu(‘000) ⁶	38.6	38.8	7.3	0.5
Teh	17	12	-19.9	-27.3
Sayur-sayuran	813	658	4.5	-19.1
Kelapa kering	14.1	14.0	3.7	-0.7

¹ Anggaran.

² Daun tembakau hijau dan kering.

³ Terdiri daripada belimbing, betik, nangka, ciku, durian, jambu, langsung, mangga, manggis, nanas, pisang, rambutan, tembikai dan buah-buahan tropika lain.

⁴ Termasuk daging lembu, ayam, khinzir dan kambing.

⁵ Biji.

⁶ Liter.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

tempatan menembusi pasaran Australia. Kejayaan ini amat penting memandangkan Australia mengamalkan piawaian kualiti dan keselamatan yang ketat ke atas buah-buahan import.

Bunga keratan merupakan satu lagi hasil pertanian yang berkembang pesat dan kini dieksport terutamanya ke Thailand (25%), Jepun (20%), Singapura (20%) dan Hong Kong (15%). Jumlah nilai pengeluarannya dianggarkan meningkat 12.5% kepada RM117 juta pada tahun 2004 (2003: RM104 juta). Dalam usaha meningkatkan lagi eksport bunga keratan, Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) telah membangunkan teknologi baru penghantaran bunga keratan melalui pengangkutan laut. Teknologi ini membolehkan pengurangan kos pengangkutan dan peningkatan kuantiti bagi setiap penghantaran.

Sektor Perlombongan

Harga minyak memuncak, menyumbang kepada pertumbuhan perlombongan...

Sektor perlombongan dianggarkan berkembang sederhana sebanyak 5% pada tahun 2004 (2003: 5.9%), meskipun terdapat permintaan kukuh daripada pasaran dalam dan luar negara serta harga minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Ini adalah selari dengan Dasar Susutan Negara untuk memastikan bekalan sumber tenaga negara yang berterusan.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004, pengeluaran **minyak mentah** termasuk kondensat, berada pada purata 754,014 tong sehari (tsh) dan meningkat 3.3% berbanding 6% dalam tempoh yang sama pada tahun 2003. Berasaskan program kerja yang dirancang untuk tahun 2004, pengeluaran keseluruhan tahun dianggarkan meningkat 2% dengan purata 753,000 tsh (2003: 738,000 tsh). Kenaikan pengeluaran ini disebabkan harga minyak mentah yang lebih tinggi, seperti yang ditunjukkan oleh kenaikan harga purata tanda aras Tapis Blend kepada USD37.53 setong pada tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: USD28.40 setong). Harga tertinggi yang dicatatkan ialah USD50.08 setong pada 20 Ogos 2004. Petrolia Nasional Berhad (PETRONAS) akan meneruskan usaha meningkatkan simpanan minyak negara dengan penerokaan cari gali laut dalam dan melabur dalam teknologi moden untuk

JADUAL 2.8

**Nilai Ditambah Sektor Perlombongan
2003-2004**
(pada harga benar 1987)

	RM juta		Perubahan (%)	
	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹
Sektor perlombongan	16,699	17,528	5.9	5.0
Minyak mentah dan gas asli	15,940	16,747	6.0	5.1
Perlombongan lain	759	781	2.8	2.9

¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

JADUAL 2.9

Pengeluaran dan Simpanan Minyak Mentah dan Gas Asli 2003-2004

			Perubahan (%)	
	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹
Minyak Mentah				
Pengeluaran ('000 tong sehari) ²	738	753	5.7	2.0
Simpanan (bilion tong)	4.5	4.8	25	6.7
Simpanan/Pengeluaran (tahun)	16	17	0	6.7
Gas Asli				
Pengeluaran (juta kaki padu sehari) ³	5,488	6,094	17.3	11.3
Simpanan (trilion kaki padu)	89.02	87.02	1.4	-2.4
Simpanan/Tahun pengeluaran	44.4	39.1	24	-11.9

¹ Anggaran.

² Termasuk kondensat.

³ Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.

Sumber: PETRONAS.

mengenal pasti medan baru serta meningkatkan kadar pengeluaran minyak di medan sedia ada. Usaha ini telah menghasilkan penemuan medan baru di luar pesisir Sabah seperti Kakap dan Kikeh dan Kenarong di luar pesisir Terengganu.

Pengeluaran gas asli meningkat 2.3% kepada 5,098 juta kaki padu sehari (jkps) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: 9.5%; 4,985 jkps). Jumlah pengeluaran bagi tahun ini dianggarkan meningkat 11.3% kepada 6,094 jkps sehari (2003: 17.3%; 5,488 jkps) dengan jangkakan pertambahan medan operasi gas baru. Petronas telah memulakan operasi medan gas di luar pesisir Serai, Sabah pada Jun tahun ini dengan anggaran keupayaan pengeluaran sebanyak 8 juta meter padu (m³) sehari. Dengan penemuan medan gas luar pesisir Kakap, Sabah, rizab gas Malaysia akan ditingkatkan lagi sebanyak 87.02 trilion kaki padu. Malaysia merupakan pengeluar terbesar gas asli cecair (LNG) dunia pada satu lokasi iaitu di Kompleks LNG Bintulu, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 23 juta tan metrik setahun.

Sektor Pembinaan

Pertumbuhan disokong kerancakan aktiviti perumahan...


Sektor pembinaan mencatatkan penurunan marginal pada separuh pertama tahun 2004 dengan kadar 0.6%, disebabkan terutamanya oleh aktiviti pembinaan sektor awam yang lebih rendah, khususnya dalam projek infrastruktur. Walau bagaimanapun, aktiviti pembinaan perumahan yang lebih tinggi ekoran pertumbuhan kediaman mula dibina yang lebih kukuh sebanyak 36.8% pada separuh kedua tahun 2003 serta beberapa projek infrastruktur yang sedang dalam pembinaan dianggar membolehkan sektor ini mencatat pertumbuhan positif 0.5% pada tahun 2004 (2003: 1.9%).

Kegiatan subsektor **kejuruteraan awam** dianggar lebih perlahan dengan siapnya beberapa projek infrastruktur besar, penyiapan projek-projek RMKe-8 yang dipercepatkan dan pengurangan pemberian kontrak Kerajaan. Antara projek infrastruktur yang siap dibina pada tahun 2004 termasuk Lebuh Raya Pantai Timur (Fasa Pertama), Lebuh Raya SILK, *Penchala Link*, Lebuh Raya Ekspres Pantai Baru dan Lebuh Raya Ekspres Koridor Guthrie. Projek dalam pembinaan termasuk stesen janakuasa di Tanjung Bin, Johor, Kompleks Bersepadu Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) serta Hidro-Elektrik Bakun di Sarawak dan Terowong Pengurusan Banjir dan Lalu Lintas Kenderaan (SMART) untuk tebatan banjir dan penyuraian trafik di Kuala Lumpur.

Aktiviti subsektor **kediaman** dianggar terus meningkat pada tahun 2004 berasaskan pertumbuhan kukuh unit kediaman mula dibina dan pertambahan bilangan rumah yang diluluskan untuk pembinaan pada separuh kedua tahun 2003. Permintaan unit kediaman terus kukuh bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2004 dengan prestasi jualan yang memberangsangkan, terutamanya bagi harta kediaman mampu milik yang terletak di lokasi yang mudah diakses dan mempunyai kemudahan awam yang baik. Sebahagian permintaan ini dirangsang oleh insentif di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan pada bulan Mei 2003. Unit rumah mewah di lokasi utama turut mencatat jualan yang baik, mencerminkan perubahan cita

CARTA 2.6

Nilai Kontrak Ditawarkan



Sumber: Lembaga Pembangunan Industri Pembiayaan (CIDB).


rasa kepada gaya hidup berkualiti lantaran peningkatan pendapatan boleh guna. Sentimen ini turut digalakkan oleh kadar faedah rendah dan pakej pinjaman menarik yang telah meningkatkan kemampuan membeli rumah. Keluaran pinjaman perumahan meningkat 18.5% pada separuh pertama tahun 2004. Di samping itu, pengumuman rangka kerja kadar faedah baru juga dijangka menyumbang secara positif kepada sektor perumahan memandangkan ia menggalakkan persaingan sihat antara bank dan institusi kewangan yang akhirnya akan memanfaatkan pembeli.

Dari segi penawaran, pemaju perumahan terus yakin dengan prestasi subsektor kediaman, dirangsang oleh unjuran pertumbuhan ekonomi yang kukuh. Keyakinan para pemaju dizahirkan melalui pertambahan kukuh bilangan rumah yang diluluskan untuk pembinaan sebanyak 8.2%, manakala pengeluaran permit jualan dan pengiklanan baru yang lebih tinggi pada kadar 18.1%.

Langkah liberalisasi FIC yang membenarkan rakyat asing membeli harta tanah berharga melebihi RM150,000 telah meningkatkan urusan niaga rumah oleh rakyat asing sebanyak 94.6% pada separuh pertama tahun 2004. Sejumlah 1,306 unit rumah bernilai RM700 juta telah dibeli oleh rakyat asing pada tempoh tersebut, terutamanya melibatkan kondominium dan apartmen.

Bagi subsektor bukan kediaman, kadar penghunian **pejabat binaan khas** meningkat kepada 81.7% bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 79%) berikutan pengurangan bilangan ruang pejabat baru. Jumlah ruang pejabat sedia ada pada separuh pertama ialah 13,362,028 meter persegi (m.p.), 2.4% lebih tinggi berbanding tempoh sama pada tahun 2003. Antara bangunan pejabat baru di Lembah Klang ialah Menara Marinara, Menara Axis dan bangunan Yayasan Tun Razak. Sewa pejabat binaan khas didapati stabil selaras dengan peningkatan kadar penghunian.

CARTA 2.7

Rumah Mula Dibina¹

¹ Bermaksud unit di mana sekurang-kurangnya kerja asas bangunan telah dimulakan.
Sumber: NAPIC, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Jumlah ruang sedia ada **kompleks perniagaan** ialah 6,907 m.p. pada akhir Jun 2004, menunjukkan pertambahan 8.3% (530,500 m.p.) berbanding tempoh yang sama pada tahun 2003. Dalam pada itu, kadar penghunian meningkat kepada 79.4% dalam tempoh tersebut sejajar dengan pengembangan aktiviti perniagaan. Lokasi perniagaan runcit baru pada tahun 2004 termasuk pembesaran One Utama, Prima Jusco, Giant Kelana Jaya dan Alamanda Putrajaya di Lembah Klang serta Travillion@Padungan di Kuching, Sarawak. Secara keseluruhannya, kadar penyerapan ruang pejabat dan ruang runcit di lokasi komersil utama adalah baik berikutan sentimen perniagaan dan pengguna yang meyakinkan. Sementara itu, sejumlah 123 unit **industri** dan 2,920 unit **kedai** telah siap dibina bagi tempoh enam bulan pertama 2004, menokok stok sedia ada pada 1.1% (unit industri) dan 3.9% (unit kedai). Dalam tempoh yang sama, empat **hotel** baru dengan sejumlah 2,343 bilik telah siap dibina. Kadar penghunian purata

bagi hotel bertaraf tiga hingga lima bintang meningkat ketara kepada 61.8% pada suku pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 50.9%) berikutan ketibaan pelancong yang lebih tinggi.

Urus niaga harta melonjak 20.1% pada separuh pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: -4.6%). Kesemua subsektor harta mencatatkan peningkatan, dalam lingkungan 14% (industri) hingga 38.6% (tanah pembangunan). Subsektor kediaman terus menerajui pertumbuhan pasaran harta dengan menyumbang 65.5% daripada keseluruhan urus niaga (136,224), diikuti oleh subsektor pertanian (19.2%), komersil (8.1%), tanah pembangunan (4.5%) dan industri (2.6%). Dari segi nilai, pasaran harta berkembang kukuh sebanyak 41.8% kepada RM28,119 juta pada tempoh tersebut (Januari-Jun 2003: RM19,832 juta).

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan bertambah kukuh disokong aktiviti penggunaan, perdagangan dan pelancongan yang lebih tinggi...

Sektor perkhidmatan dianggar mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 6% pada tahun 2004 dan menyumbang 57.1% kepada KDNK. Pertumbuhan ini didorong sebahagian besarnya oleh perbelanjaan pengguna yang lebih kukuh berikutan peningkatan pendapatan boleh guna serta ketibaan pelancong yang tertinggi pernah dicatat. Pengembangan kukuh kebanyakan subsektor turut menyumbang kepada pertumbuhan sektor perkhidmatan dengan subsektor utiliti mencatat pertambahan sebanyak 7.4%, seperti di *Jadual 2.10*. Peningkatan berterusan dalam subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; serta kewangan, insurans, harta tanah dan

perkhidmatan perniagaan akan terus memantapkan pertumbuhan keseluruhan sektor perkhidmatan. Perkembangan bidang pertumbuhan baru dalam pengurusan rantaian penawaran seperti ibu pejabat operasi (OHQ), pusat pengedaran serantau (RDC), pusat perolehan antarabangsa (IPC) serta perkongsian perkhidmatan teknologi maklumat (IT) juga akan terus menyokong pertumbuhan sektor tersebut.

Perkembangan **subsektor utiliti** disokong terutamanya oleh pertambahan kukuh permintaan elektrik daripada sektor perindustrian dan komersil serta peningkatan kecekapan operasi. Permintaan bekalan elektrik tertinggi dicatatkan pada bulan Mei 2004 dengan bacaan 12,024 megawatt (mw). Jumlah jualan elektrik meningkat 8.9% bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 7.3%) sejajar dengan peningkatan permintaan berikutan kepesatan aktiviti perindustrian dan komersil.

Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi dianggar mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 7.3% pada tahun 2004. Prestasi kukuh ini hasil daripada peningkatan perkhidmatan pengangkutan, disokong oleh kepesatan aktiviti perdagangan dan ekonomi dalam negeri, khususnya pelancongan serta peningkatan permintaan dan daya saing dalam industri telekomunikasi. Aktiviti semua jenis pengangkutan dijangka berkembang, terutamanya pengangkutan udara, hasil pertambahan kapasiti muatan serta peningkatan produktiviti dan kecekapan.

Pertumbuhan jumlah kendalian kontena kekal kukuh dengan pelabuhan utama mencatat pertumbuhan 17.5% kepada 5.6 juta *twenty-foot equivalent unit (TEU)* pada separuh pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 4.8 juta TEU). Peningkatan ini didorong oleh peningkatan produktiviti, pertambahan trafik tempatan dan transshipment, pergerakan kontena global, perkhidmatan tambahan dan persinggahan kapal khususnya di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Pelabuhan Kelang. PTP telah mencatatkan rekod kendalian tertinggi pada separuh pertama tahun 2004 dengan pengendalian lebih 2 juta TEU yang merupakan peningkatan besar sebanyak 25.3% (Januari-Jun 2003: 1.6 juta TEU). PTP yakin akan mencapai jumlah

JADUAL 2.10

Prestasi Sektor Perkhidmatan 2003-2004 (pada harga benar 1987)

	Pertumbuhan (%)		Sumbangan kepada KDNK (%)	
	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹
Utiliti (elektrik, gas dan air)	5.7	7.4	4.1	4.2
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5.7	7.3	8.6	8.7
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	1.5	6.6	14.3	14.3
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	5.4	6.3	15.1	15.0
Perkhidmatan kerajaan	7.6	2.6	7.4	7.1
Perkhidmatan lain	3.3	5.3	8.0	7.9
Jumlah	4.4	6.0	57.6	57.1

¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

kendalian antara 4 hingga 4.5 juta TEU pada tahun 2004. Keyakinan ini berasaskan kepada peningkatan produktiviti dan kapasiti pengendalian pelabuhan sebanyak 1.5 juta TEU berikutan siapnya projek pembesaran dermaga sepanjang 720 meter pada pertengahan tahun 2004. Jumlah pengendalian di Pelabuhan Kelang meningkat 11% kepada 2.6 juta TEU bagi tempoh separuh pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 2.4 juta TEU) dan dianggarkan sebanyak 5.2 juta TEU sepanjang tahun. Usaha untuk menggalakkan industri di kawasan persekitaran pelabuhan seperti pewujudan Zon Bebas Pulau Indah akan menjana peningkatanendalian di Pelabuhan Kelang. Langkah menaik taraf dan memasarkan zon bebas secara agresif juga sedang diusahakan oleh PTP di kalangan syarikat multinasional supaya menubuhkan pusat perolehan dan pengagihan di zon berkenaan.

Segmen penumpang pengangkutan udara pulih kembali pada tujuh bulan pertama tahun 2004 hasil pertambahan ketibaan pelancong. Bilangan penumpang Syarikat Penerbangan Malaysia meningkat tinggi sebanyak 17% (Januari-Julai 2003: -10.1%). Syarikat penerbangan tambang rendah, AirAsia terus mencatat pertumbuhan penumpang yang mengagumkan dengan kadar 74.8% atau 1.9 juta penumpang pada tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: 1.1 juta penumpang). Kejayaan ini dicapai dalam suasana persaingan sengit melalui strategi agresif untuk menembusi pasaran serantau di Indonesia, Thailand, Brunei dan Macau. Pengendalian kargo udara di lapangan terbang Malaysia meningkat kukuh sebanyak 8.5% kepada 451.9 juta tan bagi tempoh separuh pertama tahun 2004. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan kukuh perdagangan dan penambahan syarikat penerbangan baru serta pemasaran agresif Malaysia Airlines Cargo Sdn. Bhd. (MASKargo) melalui inisiatif I-Port yang menghubungkan tiga pelabuhan utama (Northport, PTP dan Kuantan) lantas memastikan kelancaran pergerakan kargo antara pelabuhan dan lapangan terbang.

Pertumbuhan pengangkutan darat disokong oleh penambahbaikan jalan raya dan pengangkutan rel serta integrasi perkhidmatan pengangkutan awam. Bilangan kenderaan di lebuh raya bertol meningkat 4% kepada 468 juta pada enam bulan

pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 19.6%; 450 juta). Sementara itu, bilangan penumpang Transit Aliran Ringan (LRT) bertambah 6.4% kepada 48.4 juta (Januari-Jun 2003: 6.3%, 45.5 juta). Dalam tempoh yang sama, hasil perkhidmatan kereta api antara bandar meningkat 22.6% atau RM31.1 juta (Januari-Jun 2003: -16.1%; RM25.2 juta) manakala perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) bertambah 13.8% atau RM31.7 juta (Januari-Jun 2003: 15.1%; RM27.9 juta) berikutan pakej promosi yang meluas serta peningkatan permintaan semasa musim perayaan dan pesta.

Industri komunikasi terus berkembang dengan kukuh selaras dengan peningkatan penggunaan telefon selular dan Internet. Pada separuh pertama tahun 2004, bilangan pelanggan telefon selular meningkat 24.8% kepada 12.4 juta (Januari-Jun 2003: 23.8%, 9.9 juta) mencatat 48.5% kadar penembusan (Januari-Jun 2003: 39.6%). Bilangan khidmat pesanan pendek (SMS) meningkat dengan ketara kepada 2,087.7 juta pada separuh pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 23.8%; 1,437.8 juta pesanan) berikutan kadar caj yang lebih rendah, akses maklumat yang lebih luas, penggunaan aplikasi grafik bunyi dan imej yang lebih menarik serta peningkatan promosi. Walau bagaimanapun, bilangan pelanggan talian tetap merosot 1.5% kepada 4.55 juta (Januari-Jun 2003: 4.62 juta) berikutan kecenderungan yang lebih tinggi kepada penggunaan telefon selular yang mudah diguna dan harga yang kompetitif. Bilangan pelanggan Internet meningkat 14.2% kepada 3.12 juta pada separuh pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 18.9%; 2.73 juta), memperlihatkan kadar penembusan sebanyak 12.2% (Januari-Jun 2003: 10.9%). Selain itu, bilangan pelanggan jalur lebar juga meningkat daripada 53,594 pada separuh pertama tahun 2003 kepada 174,018 bagi tempoh yang sama tahun 2004 berikutan pengurangan yuran akses dan permintaan tinggi bagi Internet berkelajuan tinggi.

Subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan dianggarkan berkembang 6.3% pada tahun 2004 berikutan pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi, prestasi lebih kukuh subsektor insurans dan peningkatan aktiviti harta tanah serta pasaran saham. Semua penunjuk pinjaman mencatat pertumbuhan dua digit disokong oleh perkembangan aktiviti

perniagaan dan penggunaan swasta yang mantap. Jumlah permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman oleh sektor perbankan masing-masing meningkat 18.4%, 13.6% dan 14.6% bagi tempoh enam bulan pertama tahun 2004 (Januari-Jun 2003: 2.2%; 10.3%, 0.1%). Arah aliran menggalakkan ini juga ditunjukkan dalam industri insurans, yang mana jumlah premium bagi produk biasa dan takaful masing-masing meningkat 21.5% dan 6.8% (Januari-Jun 2003: 11.6%; 23.1%). Bursa Malaysia kekal cergas meskipun pasaran dipengaruhi oleh jangkaan kenaikan kadar faedah di AS dan kesan dari kenaikan harga minyak. Jumlah dan nilai urusan bagi tempoh lapan bulan pertama tahun 2004 meningkat kukuh masing-masing kepada 22.5% dan 59.4% kepada 81,734 juta unit dan RM104,845 juta (Januari-Ogos 2003: 66,711 juta unit; RM67,170 juta). Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) ditutup tinggi pada 827.98 mata pada akhir 2004 (akhir 2003: 793.43 mata), dengan permodalan pasaran meningkat kepada RM654,260 juta (akhir 2003: RM640,280 juta).

Pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran didorong oleh peningkatan pendapatan boleh guna, gaya hidup canggih serta perubahan cita rasa pengguna termasuk juga peningkatan ketibaan pelancong. Subsektor ini dianggar menunjukkan pertumbuhan ketara sebanyak 6.6% pada tahun 2004 berbanding 1.5% pada tahun 2003. Nilai jualan perdagangan borong meningkat 11.6% kepada RM33,500 juta pada suku pertama tahun 2004 (Januari-Mac 2003: 10.4%, RM30,000 juta) berikutan jualan lebih tinggi bagi gedung yang terlibat dengan dagangan motor dan aksesori motor; barangan isi rumah dan persendirian; perkakas perindustrian, pertanian dan perniagaan; makanan, minuman dan tembakau; serta dagangan minyak sawit. Perdagangan runcit mencatatkan jumlah keseluruhan jualan sebanyak RM14,100 juta dalam suku pertama tahun 2004 (Januari-Mac 2003: RM14,300 juta) susut sedikit pada kadar 0.9%, seperti di *Jadual 2.12*. Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh penurunan nilai jualan pakaian, tekstil, kain linen, tuala, selimut dan kasut; serta perkakas dan bahan perindustrian, pertanian dan perniagaan.

JADUAL 2.11

Perdagangan Borong (pada harga semasa)

	2003	S1 2003	S1 2004	Perubahan (%)
Jumlah nilai jualan (RM juta)	124,936	30,063	33,538	11.6
Antaranya:				
Dagangan motor dan aksesori motor	42,624	10,225	11,844	15.8
Perkakas perindustrian, pertanian dan perniagaan	25,285	6,374	6,471	1.5
Barangan isi rumah dan persendirian	19,545	4,591	5,168	12.6
Makanan, minuman dan tembakau	17,883	4,260	4,700	10.3
Minyak sawit	2,194	507	844	66.4

Sumber: Jabatan Perangkaan.

JADUAL 2.12


Perdagangan Runcit (pada harga semasa)

	2003	S1 2003	S1 2004	Perubahan (%)
Jumlah Nilai Jualan (RM Juta)	56,597	14,262	14,129	-0.9
Antaranya:				
Dagangan motor dan aksesori motor	26,557	6,634	6,509	-1.9
Barangan isi rumah dan persendirian	13,499	3,388	3,591	6.0
Petrol, diesel, pelincir dan sebagainya	6,426	1,555	1,620	4.2
Pakaian, tekstil, kain linen, tuala, selimut dan kasut	2,564	697	623	-10.7
Makanan, minuman dan tembakau	2,448	583	664	13.9
Perkakas dan bahan perindustrian, pertanian dan perniagaan	2,709	641	584	-8.8

Sumber: Jabatan Perangkaan.

CARTA 2.8

Pertumbuhan Ketibaan Pelancong, Kadar Penginapan Hotel dan Pendapatan daripada Pelancong



Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Walau bagaimanapun, peningkatan sentimen pengguna, perkembangan aktiviti ekonomi domestik, konsep baru peruncitan yang menggabungkan pelbagai aktiviti perniagaan di bawah satu bumbung serta pertumbuhan pusat perniagaan baru dijangka merangsang jualan pada bulan-bulan berikutnya.

Industri **pelancongan** kekal cergas dengan ketibaan pelancong melebihi 1 juta orang sejak November 2003 dengan ketibaan pelancong tertinggi seramai 1.4 juta orang dicatat pada bulan Januari 2004. Jumlah keseluruhan ketibaan pelancong meningkat 71.7% kepada 9.1 juta orang pada tujuh bulan pertama tahun 2004, berbanding dengan penurunan mendadak 31.2% atau 5.3 juta orang bagi tempoh yang sama tahun 2003 akibat kesan peperangan di Iraq, SARS dan ancaman penganas. Berdasarkan komposisi mengikut negara, ketibaan pelancong yang tertinggi adalah dari Singapura seramai 5.5 juta orang, menyumbang 60.8% kepada jumlah

keseluruhan pelancong dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 diikuti oleh Thailand (9.3%), Indonesia (5%) dan China (3.7%). Selain itu, promosi secara agresif dan intensif di negara-negara Asia Barat, termasuk Arab Saudi, Lebanon, Emiriah Arab Bersatu dan Syria telah mewujudkan pasaran baru. Ketibaan pelancong dijangka terus meningkat sehingga akhir tahun ini selaras dengan pelbagai karnival, acara dan perayaan yang dirancang sepanjang tahun seperti Citrawarna Malaysia, Pesta Makanan dan Buah-buahan, Perayaan Rumah Terbuka Kebangsaan bagi keraian agama utama serta pameran dan konvensyen antarabangsa. Sektor pelancongan kekal sebagai penyumbang penting pendapatan tukaran asing dengan jumlah pendapatan sebanyak RM21.3 bilion melalui ketibaan 10.6 juta pelancong pada tahun 2003. Berdasarkan tren semasa, sasaran Malaysia untuk mencapai 15 juta ketibaan pelancong pada tahun 2004 dan RM30 bilion pendapatan tukaran asing dijangka dapat dicapai.

Subsektor perkhidmatan Kerajaan yang menyumbang 7.1% kepada KDNK, dianggar mencatat pertumbuhan 2.6% pada tahun 2004. Prestasi sederhana subsektor ini menggambarkan jumlah perbelanjaan emolumen tahunan yang lebih rendah bagi kakitangan awam pada tahun 2004 berbanding dengan pertambahan perbelanjaan yang dibayar pada tahun 2003 berikutan pelaksanaan pelarasan gaji Sistem Saraan Malaysia (SSM).

Nilai ditambah bagi **subsektor perkhidmatan** lain termasuk perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian serta tertaksir daripada kediaman yang didiami oleh pemilik, dianggar meningkat 5.3% pada tahun 2004. Peningkatan permintaan bagi perkhidmatan **pendidikan dan perubatan swasta** dijangka menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan subsektor ini. Pada masa ini, terdapat 519 institusi pengajian tinggi swasta termasuk 23 berstatus universiti. Lembaga Akreditasi Negara telah mengakreditasi sejumlah 348 kursus yang ditawarkan oleh institusi-institusi ini. Sehingga akhir Ogos tahun ini, usaha Kerajaan untuk mempromosi pendidikan dan pelancongan kesihatan telah memberi manfaat kepada subsektor ini. Bilangan pelajar asing di institusi pendidikan swasta dianggar meningkat daripada 31,000 pada akhir tahun 2003 kepada 43,000 pada akhir tahun 2004. Bilangan pelancong kesihatan juga dianggar meningkat dengan ketara daripada 103,000 pada tahun 2003 kepada 140,000 tahun ini, hasil daripada harga yang kompetitif dan penjagaan kesihatan berkualiti yang terdapat di negara ini. Sejumlah 35 hospital swasta menawarkan perkhidmatan rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan untuk pesakit asing, di mana 14 buah hospital telah menerima akreditasi MS:ISO 9001 manakala enam buah lagi telah diakreditasi *Malaysian Society for Quality in Healthcare*.

Prestasi Eksport

Eksport disokong oleh perkembangan seiring di seluruh dunia...

Eksport merupakan komponen penting dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi

Malaysia. Kerajaan terus berusaha secara agresif bagi menambah peluang perdagangan dan tahun 2003 mencatat rekod tahunan tertinggi bagi eksport. Bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004, pendapatan eksport kasar Malaysia percuma atas kapal (f.o.b.) mencatat peningkatan kukuh sebanyak 21.1% (Januari-Julai 2003: 10.7%) kepada RM268,462 juta. Peningkatan ini disokong oleh pendapatan yang tinggi daripada produk pembuatan, komoditi perlombongan dan pertanian. Sektor luar negara dijangka mengekalkan momentum peningkatan pada separuh kedua tahun 2004. Seperti tahun sebelumnya, barangan pembuatan dijangka menyumbang dengan ketara kepada pendapatan eksport negara sebanyak 82.6% daripada jumlah nilai eksport kasar tahun 2004 (2003: 82%).

Eksport Barangan Pembuatan

Eksport pembuatan terus melonjak...

Eksport barangan pembuatan telah menjadi penyumbang utama kepada eksport keseluruhan Malaysia sejak awal tahun 1990-an, dengan sumbangannya kekal melebihi 80%. Eksport keseluruhan barangan pembuatan meningkat ketara sebanyak 21.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: 6.1%) dengan kebanyakan industri berasas eksport mendapat manfaat yang kukuh daripada peningkatan permintaan global. Produk E&E kekal sebagai penyumbang terbesar eksport pembuatan dengan sumbangan sebanyak 65.4%. Sementara itu, eksport produk bukan E&E berkembang kukuh, seperti di *Jadual 2.13*, berikutan prestasi eksport yang lebih baik bagi kimia dan produk kimia, produk besi, keluli dan logam serta kelengkapan pengangkutan.

Pendapatan eksport produk E&E meningkat ketara 17.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: 1.9%) dengan peningkatan semua subsektor utama seperti separa konduktor, kelengkapan dan peralatan elektronik serta produk elektrik. Pertumbuhan eksport separa konduktor berkurang kepada 7.1% (Januari-Julai 2003: 26.1%) disebabkan sebahagiannya oleh kesan tahun asas. Perbelanjaan yang lebih tinggi dalam industri ICT mendorong subsektor separa konduktor

JADUAL 2.13

Eksport Barangan Pembuatan Januari-Julai

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2003	2004	2003	2004	2003	2004
Peralatan elektronik, elektrik dan jentera	123,753	145,279	1.9	17.4	67.4	65.4
Separa konduktor	48,328	51,748	26.1	7.1	26.3	23.2
Kelengkapan dan alat ganti elektronik	45,696	55,494	-11.1	21.4	24.9	24.9
Produk elektrik	29,729	38,037	-6.0	27.9	16.2	17.1
Produk bukan elektronik dan elektrik	59,743	76,875	16.1	28.7	32.6	34.6
Kimia, produk kimia dan plastik	13,181	17,335	21.6	31.5	7.2	7.8
Produk petroleum	6,393	8,086	40.7	26.5	3.5	3.6
Produk besi, keluli dan logam	6,449	9,034	26.5	40.1	3.5	4.1
Produk berasaskan kayu	5,459	6,843	3.5	25.4	3.0	3.1
Tekstil, pakaian dan kasut	4,985	5,989	4.4	20.1	2.7	2.7
Makanan, minuman dan tembakau	4,093	4,987	12.6	21.8	2.2	2.2
Produk berasaskan getah	2,948	3,559	11.7	20.7	1.6	1.6
Kelengkapan pengangkutan	1,869	2,683	1.7	43.6	1.0	1.2
Produk galian bukan logam	1,616	1,796	-0.2	11.2	0.9	0.8
Pelbagai produk pembuatan	12,748	16,563	13.7	29.9	6.9	7.5
JUMLAH	183,496	222,154	6.1	21.1	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan.

berkembang seiring dengan kemajuan rantaian nilai teknologi dan seterusnya menghasilkan litar bersepadu generasi terkini yang menggunakan kaedah pembungkusan berteknologi tinggi. Permintaan untuk separa konduktor buatan Malaysia dijangka terus meningkat memandangkan nisbah *book-to-bill* (BTB) industri peralatan elektronik Amerika Utara terus berada pada kadar melebihi satu mata sejak Oktober tahun lepas, seperti di *Carta 2.9*. AS kekal sebagai destinasi eksport terbesar, dengan jumlah eksport melebihi satu pertiga produk separa konduktor Malaysia.


Pemulihan ketara eksport peralatan dan kelengkapan elektronik sebanyak 21.4% (Januari-Julai 2003: -11.1%) telah dicapai berikutan terutamanya eksport yang lebih tinggi bagi mesin dan komponen pemprosesan data automatik serta litar bercetak. Begitu juga, nilai produk elektrik mencatat peningkatan tinggi sebanyak 27.9% (Januari-Julai 2003: -6%), disokong sebahagian besarnya oleh pendapatan eksport yang lebih tinggi bagi produk elektrik perindustrian, komersil

dan pengguna serta kelengkapan dan jentera.

Peningkatan eksport elektronik telah menggalakkan permintaan kimia, produk kimia dan plastik. Kesan limpahan peningkatan ini membolehkan industri tersebut berkembang 31.5% (Januari-Julai 2003: 21.6%), seterusnya mengekalkan pertumbuhan dua digit untuk 27 bulan berturut-turut sejak April 2002, meningkatkan sumbangannya kepada 7.8% daripada jumlah eksport pembuatan. Pertumbuhan mapan ini juga disebabkan peningkatan eksport kimia dan plastik organik dalam bentuk utama dan sekunder, yang merangkumi 64% daripada jumlah eksport industri ini. Eksport produk plastik juga berkembang selaras dengan pembangunan industri E&E, automotif, pembinaan dan peralatan perubatan. Industri farmaseutikal juga mendapat manfaat daripada inovasi teknologi berkaitan pengeluaran, khususnya bioteknologi. Eksport farmaseutikal terutamanya, meningkat 36.1% (Januari-Julai 2003: 5%) disebabkan pertumbuhan lebih tinggi eksport ubat-ubatan.

CARTA 2.9

Nisbah *Book-to-Bill*¹ dan Pertumbuhan Pengeluaran Separa Konduktor Malaysia



¹Sumber: North America Semiconductor Equipment Association.

Terimaan eksport bagi **besi, keluli dan produk logam** meningkat 40.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: 26.5%), berikutan permintaan yang lebih tinggi dari negara pengimport utama seperti China serta harga eksport yang lebih tinggi. Antara barangan eksport utama adalah produk besi dan keluli (tiub dan paip), galian bukan logam dan produk logam ditempa. Eksport besi dan keluli mencatat peningkatan 48.1% kepada RM3,917 juta (Januari-Julai 2003: 58.1%; RM2,644 juta) yang seterusnya meningkatkan bahagiannya kepada 4.1% daripada jumlah eksport pembuatan. Sementara itu, eksport produk logam ditempa berkembang ketara sebanyak 34.2% (Januari-Julai 2003: 13.7%) disebabkan permintaan lebih besar produk logam asas dari negara pengimport utama.

Terimaan daripada eksport **produk berasaskan getah** meningkat ketara dengan didominasi oleh eksport sarung tangan getah yang lebih tinggi. Malaysia terus mengekalkan kedudukannya sebagai negara pengeksport utama sarung tangan

getah (termasuk sarung tangan perubatan) yang mewakili lebih 60% daripada jumlah keseluruhan nilai eksport produk getah. Pencapaian ini adalah hasil kemajuan dalam pengeluaran sarung tangan generasi baru yang berkualiti tinggi seperti sarung tangan rendah protein, serbuk atau tanpa serbuk dan produk getah kering termasuk *conveyor belts*, *rubber rollers* dan *moulded rubber parts* untuk industri automotif dan E&E.

Tayar dan tiub juga menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 30% (Januari-Julai 2003: 16%) berikutan permintaan pasaran tempatan dan eksport yang lebih tinggi. Peningkatan ini adalah berikutan permintaan tinggi **kelengkapan pengangkutan**. Terimaan eksport untuk kelengkapan pengangkutan melonjak berikutan pengilang dan pengeksport menggunakan peluang daripada duti yang dikurangkan kepada 5% di bawah kawasan perdagangan bebas ASEAN (AFTA) sejak Januari 2003 yang membolehkan mereka mengembangkan perniagaan mereka ke pasaran ASEAN.

Eksport Komoditi Utama


Kekukuhan harga meningkatkan pendapatan...

Pendapatan eksport daripada komoditi utama yang terdiri daripada hasil pertanian dan produk mineral dianggap meningkat 13.2% kepada RM66,351 juta pada tahun 2004 (2003: 32.2%; RM58,630 juta). Peningkatan ini berpunca daripada terimaan eksport yang lebih tinggi untuk minyak sawit, minyak mentah dan juga LNG berikutan harga yang lebih tinggi dan permintaan luar yang kukuh. Pendapatan eksport **komoditi pertanian** bertambah 8.2% kepada RM18,085 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: RM16,727 juta). Pertumbuhan ini dianggap menyederhana sebanyak 7.3% kepada RM32,584 juta pada tahun 2004 berikutan daripada harga eksport beberapa komoditi pertanian yang lebih rendah pada separuh kedua tahun 2004. Pendapatan eksport sektor **perlombongan** meningkat 17.3% pada tujuh bulan pertama tahun 2004 berikutan permintaan yang kukuh dan harga minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Bahagian komoditi utama kepada keseluruhan eksport kekal pada 14.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: 14.9%).

Nilai eksport **CPO** meningkat 1.2% pada tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari- Julai 2003: 50.2%) dan kekal sebagai penyumbang terbesar sebanyak 69% kepada keseluruhan eksport pertanian. Terimaan eksport yang lebih tinggi dipacu sebahagian besarnya oleh harga yang lebih kukuh. Harga eksport CPO purata meningkat 17.1% kepada RM1,788 setan pada tujuh bulan pertama tahun 2004. Sementara permintaan dijangka perlahan pada separuh kedua tahun 2004, penerimaan eksport CPO dianggap meningkat 6.2% bagi keseluruhan tahun berikutan jangkakan harga yang lebih kukuh. Harga setan dianggap berada pada purata RM1,650 bagi tahun 2004 (2003: RM1,544). China kekal sebagai pasaran terbesar minyak sawit Malaysia, menyumbang sebanyak 21% kepada jumlah eksport CPO, diikuti oleh India(13.8%), Kesatuan Eropah (13%), Pakistan (9%) dan Mesir (4.6%). Terimaan eksport **minyak isirong sawit** juga meningkat 22.5% kepada RM897 juta pada tujuh bulan pertama dan dianggap meningkat 11.3%

CARTA 2.10

Eksport Komoditi Utama



JADUAL 2.14

Eksport Komoditi Utama Januari-Julai

	RM juta		Perubahan (%)	
	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹
Minyak sawit²				
Kuantiti ('000 tan)	7,035	6,687	16.5	-4.9
Nilai seunit (RM/tan)	1,612	1,716	29.0	6.4
Nilai (RM juta)	11,342	11,475	50.2	1.2
Minyak Isirong sawit				
Kuantiti ('000 tan)	399	522	-3.4	30.7
Nilai seunit (RM/tan)	1,833	1,717	29.2	-6.3
Nilai (RM juta)	732	897	24.8	22.5
Kayu balak				
Kuantiti ('000 tan)	3,072	3,092	8.5	0.7
Nilai seunit (RM/tan)	371	371	11.8	0.0
Nilai (RM juta)	1,139	1,146	21.2	0.6
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 tan)	1,730	1,687	-34.9	-2.5
Nilai seunit (RM/tan)	852	1,000	63.8	17.4
Nilai (RM juta)	1,474	1,689	6.6	14.5
Getah				
Kuantiti ('000 tan)	541	845	6.7	56.1
Nilai seunit (RM/tan)	352	360	42.0	2.2
Nilai (RM juta)	1,906	3,040	51.5	59.5
Lada hitam				
Kuantiti ('000 tan)	9.6	10.7	-12.9	12.4
Nilai seunit (RM/tan)	7,094	6,253	18.7	-11.9
Nilai (RM juta)	68	67	3.4	-1.0
Koko				
Kuantiti ('000 tan)	10.0	5.9	-23.5	-40.3
Nilai seunit (RM/tan)	6,535	5,659	37.9	-13.4
Nilai (RM juta)	66	34	5.4	-48.3
Minyak mentah				
Kuantiti ('000 tan)	9,966	10,673	5.8	7.0
Nilai seunit (RM/tan)	869	1,025	32.3	18.0
Nilai (RM juta)	8,660	10,949	40.0	26.4
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan)	9,687	11,846	19.0	21.4
Nilai seunit (RM/tan)	781	787	27.6	0.5
Nilai (RM juta)	7,563	9,324	51.7	22.0
Tin				
Kuantiti ('000 tan)	5.8	13.7	-71.3	132.5
Nilai seunit (RM/tan)	17.7	29.8	13.4	68.3
Nilai (RM juta)	104.1	407.1	-67.4	291.2
Jumlah Nilai (RM juta)	33,054	38,766	41.6	17.3

¹ Anggaran.² Termasuk minyak sawit mentah yang diproses dan stearin.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

kepada RM1,626 juta bagi keseluruhan tahun. Usaha untuk meningkatkan eksport termasuk mempromosikan penggunaan CPO yang lebih meluas, kelebihan tekno-ekonomi dan khasiat pemakanannya supaya penggunaannya lebih meluas khususnya kepada pasaran baru melalui penyertaan di seminar dan misi perdagangan. Pada masa hadapan, pengeluar Malaysia dijangka dapat menembusi lebih banyak pasaran bukan tradisi seperti Asia Barat dan Eropah Timur. Keyakinan ini berasaskan kepada kesedaran di negara maju mengenai kemudaratan asid *transfatty* dalam produk makanan sedangkan minyak sawit yang bebas asid *transfatty* mempunyai kelebihan ketara dalam produk makanan.

Eksport getah yang sebahagian besarnya merupakan Getah Standard Malaysia (SMR) dianggar meningkat 0.5% kepada 950,000 tan metrik pada tahun 2004 (2003: 1.9%; 945,000 tan metrik). Harga getah yang kian meningkat sejak awal tahun lalu menyebabkan kenaikan dalam terimaan eksport. Kombinasi faktor yang memberi kesan kepada permintaan dan penawaran mendorong peningkatan harga getah sebanyak 10.2% kepada RM4.20 sekilogram. Permintaan dijangka meningkat berikutan pemulihan industri tayar dan automatif serta kelonggaran kuota import oleh China.

Kuantiti eksport minyak mentah meningkat 7% kepada 10.7 juta tan metrik pada tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: 5.8%; 10 juta tan metrik). Hasil bertambah 26.4% kepada RM10,949 juta dalam tempoh yang sama (Januari-Julai 2003: 40%, RM8,660 juta) berikutan kekukuhan harga eksport, dengan purata USD38 setong (RM1,025 setan). Pengimport utama minyak mentah Malaysia adalah India (18.4%), Thailand (17.7%), China (13.1%), Australia (12.9%) dan Korea Selatan (8%). Pendapatan eksport LNG berkembang 22% (Januari-Julai 2004: 51.7%) berikutan daripada kuantiti yang lebih tinggi. Buat masa ini, Malaysia adalah pengeksport LNG ketiga terbesar dunia selepas Indonesia dan Algeria dengan jumlah eksport berjumlah 18.4 juta tan metrik pada tahun 2003.

Prestasi Import

Import meningkat sejajar dengan kerancangan aktiviti ekonomi...

Nilai kasar import termasuk kos, insurans dan fret (c.i.f.) melonjak 27.6% kepada RM223,538 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: 1%; RM175,168 juta). Pertumbuhan kukuh dalam semua kategori import didorong oleh kecergasan aktiviti pelaburan domestik, peningkatan eksport dan pendapatan

boleh guna isirumah yang semakin tinggi. Pertumbuhan import dijangka berterusan sehingga akhir tahun berikutan daripada sektor luar yang mula mengembang setelah pulih serta dorongan sektor domestik.

Pertumbuhan import diterajui oleh **barangan perantaraan** yang meningkat tinggi sebanyak 26.8% (Januari-Julai 2003: 2.4%) berikutan pengukuhan pengeluaran pembuatan dan eksport, khususnya industri elektronik. Import bagi alat ganti dan aksesori barangan modal (tidak termasuk injap dan tiub termionik) juga meningkat ketara

JADUAL 2.15

Import Barangan Mengikut Penggunaan Akhir Januari-Julai

	RM juta		Perubahan %		Bahagian %	
	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹
Barangan modal	24,675	30,254	-6.1	22.6	14.1	13.5
Barangan modal (kecuali peralatan pengangkutan)	23,621	27,626	4.7	17.0	95.7	91.3
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	1,055	2,628	-71.7	149.2	4.3	8.7
Barangan perantaraan	127,385	161,463	2.4	26.8	72.7	72.2
Makanan dan minuman, utama dan diproses khusus untuk industri	3,329	5,479	12.6	64.6	2.6	3.4
Bekalan perindustrian utama dan diproses	36,901	51,068	-0.5	38.4	29.0	31.6
Bahan api dan pelincir, utama dan diproses	7,953	9,146	28.3	15.0	6.2	5.7
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	3,300	4,742	-21.3	43.7	2.6	2.9
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	23,733	31,970	1.7	34.7	18.6	19.8
Injap dan tiub termionik	52,170	59,059	3.0	13.2	41.0	36.6
Barangan penggunaan	10,564	12,837	0.0	21.5	6.0	5.7
Makanan dan minuman utama dan diproses, khusus untuk penggunaan isi rumah	3,801	4,942	-3.7	30.0	36.0	38.5
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	178	198	89.5	11.3	1.7	1.5
Barangan pengguna lain	6,584	7,697	0.9	16.9	62.3	60.0
Barang tahan lama	1,523	1,722	11.8	13.1	23.1	22.4
Barang separa tahan lama	2,154	2,559	-12.7	18.8	32.7	33.3
Barang tidak tahan lama	2,907	3,415	7.9	17.5	44.2	44.4
Lain-lain (termasuk barang dwiguna)	7,937	9,375	7.4	18.1	4.5	4.2
Import untuk eksport semula	4,607	9,608	-3.9	108.6	2.6	4.3
Import Kasar	175,168	223,538	1.0	27.6	100.0	100.0

¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan.

sebanyak 34.7% (Januari-Julai 2003: 1.7%), menunjukkan pelaburan swasta kembali semula kepada pertumbuhan dua digit selepas tiga tahun. Bekalan perindustrian yang digunakan sebagai komponen penting dalam eksport pembuatan melonjak 38.4% kepada RM51,068 juta (Januari-Julai 2003: -0.5%; RM36,901 juta). Sungguhpun mencatatkan peningkatan memberangsangkan, bahagian barangan perantaraan daripada jumlah import kekal stabil pada 72.2% (Januari-Julai 2003: 72.7%).

Import **barangan modal** meningkat semula dengan kukuh sebanyak 22.6% dalam tempoh yang sama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: -6.1%), kesan daripada peningkatan keupayaan dalam sektor pembuatan, minyak dan gas, penerbangan serta perkapalan. Berikutan prestasi kukuh industri pemasangan motor dan jualan kereta penumpang, import kelengkapan pengangkutan untuk kegunaan industri mencatatkan peningkatan semula yang sangat tinggi sebanyak 149.2% (Januari-Julai 2003: -71.7%). Selaras dengan pengukuhan aktiviti pelaburan domestik, import barangan modal (selain kelengkapan pengangkutan) terus mengekalkan tren yang meningkat dengan berkembang dengan ketara sebanyak 17% (Januari-Julai 2003: 4.7%). Walaupun import barangan modal menunjukkan pertumbuhan pesat, bahagiannya kepada jumlah keseluruhan import berkurangan kepada 13.5% (Januari-Julai 2003: 14.1%).

Peningkatan import **barangan penggunaan** sebanyak 21.5% (Januari-Julai 2003: 0%) sebahagiannya berpunca daripada kemewahan yang meningkat berikutan peningkatan pendapatan eksport dan pendapatan boleh guna yang tinggi. Import makanan dan minuman serta barangan pengguna separa tahan lama kembali meningkat kukuh, masing-masing sebanyak 30% dan 18.8% (Januari-Julai 2003: -3.7%; -12.7%). Bil import **barangan dua guna** telah meningkat 28.1% (Januari-Julai 2003: 16.9%), disebabkan sebahagian besarnya oleh kenaikan import minyak, pelincir dan bahan api yang diproses serta kelengkapan pengangkutan dan kereta penumpang. Di samping itu, **import untuk dieksport semula** yang terdiri terutamanya aktiviti pembungkusan dan pemasangan E&E di

pelaburan utama meningkat tinggi sebanyak 108.6% (Januari-Julai 2003: -3.9%).

Haluan Perdagangan

Lebih dagangan kekal tinggi berikutan kemantapan eksport barangan pembuatan...


Sebagai satu ekonomi kecil yang terbuka dan sebuah negara dagangan, Malaysia akan terus mengambil peluang perdagangan dengan mempelbagai dan meningkatkan dagangannya. Jumlah perdagangan luar negara adalah dua kali ganda daripada saiz KDNK dan pada masa ini tersenarai sebagai negara perdagangan ke-17 terbesar dunia. Malaysia menjalinkan hubungan perdagangan dengan lebih 200 negara. Langkah-langkah terus diambil untuk menerokai pasaran baru dan mempelbagaikan pasaran terutamanya pasaran bukan tradisi seperti Asia Barat serta Eropah Tengah dan Timur.

AS, Singapura, Jepun, dan China merupakan rakan dagang utama negara dan menyumbang 51.1% kepada jumlah perdagangan negara. Bagi perdagangan serantau, negara-negara Timur Laut Asia, ASEAN dan Kesatuan Eropah (EU) telah menyumbang 70.7% kepada jumlah perdagangan negara. Perdagangan dengan negara-negara di rantau tersebut masing-masing meningkat ketara sebanyak 25.7%, 22.6% dan 24.4% bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004.

Imbangan perdagangan yang memihak kepada Malaysia berjumlah RM81,136 juta pada tahun 2003 dan ini merupakan jumlah tertinggi pernah dicapai dalam sejarah negara. Imbangan perdagangan negara telah mencatat lebih sebanyak RM44,924 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: RM46,605 juta) dengan jumlah eksport berkembang sebanyak 21.1% (Januari-Julai 2003: 10.7%) dan import sebanyak 27.6% (Januari-Julai 2003: 1%). Negara-negara utama yang menyumbang kepada lebih dagangan ialah AS, Singapura, Hong Kong SAR, Belanda dan Australia, manakala perdagangan dengan Jepun, Jerman, China dan Indonesia mengalami defisit.

CARTA 2.11

Haluan Perdagangan Luaran Januari-Julai



Sumber: Jabatan Perangkaan.

AS terus kekal sebagai rakan dagang terbesar negara, dengan lebih dagangan sebanyak RM17,309 juta (Januari-Julai 2003: RM16,305 juta). Jumlah eksport yang tinggi bagi produk E&E serta tekstil dan pakaian merupakan penyumbang utama kepada lebih dagangan. Kedua-dua produk ini menyumbang 80% kepada jumlah eksport ke AS (Januari-Julai 2003: 81%). Produk E&E, jentera dan mesin, perkakasan dan alat ganti serta peralatan optik dan saintifik merupakan produk utama yang menyumbang 79% kepada jumlah import dari AS.


Singapura mengekalkan kedudukan sebagai rakan dagangan kedua terbesar dengan menyumbang 13.1% kepada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport produk E&E ke Singapura telah berkembang 8.3% dan kekal sebagai hasil eksport terbesar dengan nilai sebanyak RM23,171 juta atau 57.9% kepada jumlah eksport ke negara tersebut. Produk E&E dan petroleum bertapis merupakan produk import utama dengan nilai

sebanyak RM15,344 juta atau 62.7% kepada keseluruhan import dari Singapura. Walaupun pertumbuhan import mengatasi eksport, lebih dagangan dengan Singapura meningkat kepada RM15,532 juta (Januari-Julai 2003: RM14,747 juta).

Jepun mengekalkan kedudukan sebagai rakan dagangan ketiga terbesar Malaysia dengan menyumbang 13% kepada jumlah perdagangan luar negara. Produk E&E, peralatan optik dan saintifik serta LNG merupakan barangan eksport utama ke Jepun dengan sumbangan sebanyak 62.1% daripada jumlah eksport. Sebahagian besar import dari Jepun yang terdiri daripada produk E&E, jentera dan mesin, perkakasan dan alat ganti serta kelengkapan pengangkutan telah menyumbang 62.6% kepada jumlah import. Memandangkan import sentiasa melebihi eksport, defisit perdagangan dengan Jepun terus meningkat kepada RM9,801 juta (Januari-Julai 2003: -RM5,873 juta). Kedudukan defisit ini

CARTA 2.12

Imbangan Perdagangan



Sumber: Jabatan Perangkaan.

sebahagian besarnya disebabkan import yang tinggi bagi produk E&E, jentera dan mesin serta perkakasan dan alat ganti.

Republik Rakyat China terus kekal sebagai rakan dagangan keempat terbesar sejak tahun 2001. Eksport yang sebahagian besarnya terdiri daripada kimia dan produk kimia, minyak sawit dan produk E&E masing-masing meningkat 46.8%, 32.6% dan 23.6% serta menyumbang 67.5% kepada jumlah eksport bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004. E&E yang merupakan produk import utama telah meningkat 57.6% dan menyumbang 59.7% kepada jumlah import dari China. Defisit perdagangan dengan China terus meningkat kepada RM3,611 juta (Januari-Julai 2003: -RM619 juta). Jumlah import yang lebih tinggi bagi jentera dan mesin, perkakasan dan alat ganti serta tekstil dan pakaian juga menyumbang kepada defisit ini.

Jumlah perdagangan dengan negara-negara lain di **Timur Laut Asia** iaitu Taiwan, Korea Selatan dan Hong Kong SAR, meningkat 24.4% dan menyumbang 13.1% kepada jumlah dagangan negara (Januari-Julai 2003: 8.3%; 12.9%). Eksport terdiri terutamanya daripada produk E&E dan LNG berkembang 21.7%, manakala import yang sebahagian besarnya adalah produk E&E juga meningkat 27.8%. Malaysia mencatat lebih dagangan dengan Hong Kong SAR (RM10,539 juta), sebaliknya mengalami defisit dagangan dengan Taiwan (RM2,749 juta) dan Korea Selatan (RM1,874 juta).

Perdagangan Malaysia dengan negara-negara **ASEAN** (selain Singapura) meningkat 34.7% dan menyumbang 11.1% daripada jumlah perdagangan negara (Januari-Julai 2003: 10.3%). Produk utama eksport yang merangkumi E&E, kimia dan produk kimia serta minyak mentah

JADUAL 2.16

Haluan Perdagangan Luaran Januari-Julai

	Eksport				Import				Imbangan Perdagangan	
	% Perubahan		% Bahagian		% Perubahan		% Bahagian		RM juta	
	2003	2004	2003	2004	2003	2004	2003	2004	2003	2004
Amerika Syarikat	2.9	15.2	19.8	18.8	-7.2	20.5	15.7	14.9	16,305	17,309
Singapura	2.9	12.1	16.1	14.9	-1.4	16.9	12.0	10.9	14,747	15,532
Jepun	6.2	13.2	10.8	10.1	-2.4	23.8	17.0	16.5	-5,873	-9,801
Timur Laut Asia (kecuali Jepun)	21.0	24.7	19.1	19.7	2.7	36.5	21.1	26.6	5,385	2,332
Republik Rakyat China	26.1	30.7	6.1	6.6	12.1	50.4	8.1	9.6	-619	-3,611
Hong Kong SAR	39.5	16.2	6.4	6.1	9.6	23.5	2.7	2.7	9,370	10,539
Korea Selatan	3.8	47.0	2.9	3.6	4.9	21.8	5.4	5.1	-2,887	-1,874
Taiwan	3.4	10.9	3.6	3.3	-14.6	36.8	4.8	5.2	-504	-2,749
Kesatuan Eropah	11.4	20.3	12.7	12.6	4.0	30.0	11.9	12.1	7,331	6,819
Belanda	-1.5	17.3	3.3	3.2	-11.5	53.0	0.7	0.9	6,013	6,596
Jerman	20.4	17.0	2.3	2.3	23.5	37.6	4.3	4.7	-2,411	-4,379
United Kingdom	3.5	21.3	2.2	2.2	-7.3	16.7	1.9	1.8	1,616	2,118
Perancis	36.8	7.4	1.7	1.5	10.0	19.4	1.5	1.4	1,155	933
Itali	53.7	23.2	0.7	0.7	-11.3	47.9	0.7	0.9	169	-112
Ireland	7.6	1.0	0.3	0.3	-18.3	-14.1	0.8	0.5	-721	-519
ASEAN (kecuali Singapura)	7.6	37.7	8.9	10.1	11.7	31.8	12.0	12.4	-1,431	-724
Thailand	10.0	35.2	4.3	4.8	6.7	58.5	4.3	5.4	1,886	791
Indonesia	11.5	40.1	2.0	2.3	8.3	51.5	3.4	4.0	-1,475	-2,737
Filipina	0.1	43.1	1.4	1.6	21.9	-15.1	3.8	2.5	-3,604	-1,299
Brunei	15.6	16.0	0.3	0.3	639.3	-69.8	0.0	0.0	583	728
Myanmar	-32.5	-1.7	0.1	0.1	13.0	18.9	0.1	0.1	148	108
Asia Selatan	44.5	19.3	3.6	3.5	-6.2	115.7	0.9	1.4	6,448	6,250
India	50.1	21.6	2.4	2.4	-6.5	129.2	0.8	1.4	3,972	3,397
Asia Barat	22.6	39.7	2.3	2.7	50.7	7.3	2.5	2.1	875	2,623
Arab Saudi	6.0	16.5	0.4	0.4	53.8	33.7	0.7	0.8	-426	-722
Emiriyah Arab Bersatu	24.3	45.9	1.0	1.2	203.4	47.3	0.4	0.4	1,584	2,302
Yemen	59.8	1.0	0.1	0.1	-5.0	-98.1	0.5	0.0	-525	265
Oman	26.2	41.9	0.0	0.1	295.0	-33.7	0.6	0.3	-896	-513
Australia	22.4	51.4	2.4	3.1	-12.2	35.3	1.6	1.7	2,662	4,471
New Zealand	30.4	15.3	0.4	0.4	-4.8	11.6	0.4	0.3	140	187
Eropah Tengah & Timur (kecuali anggota EU)	37.4	32.2	0.1	0.1	207.1	-21.5	0.0	0.0	75	129
Afrika	40.2	11.7	1.4	1.3	14.6	72.6	0.4	0.6	2,257	2,064
Negara-negara lain	15.3	36.7	2.5	2.9	-1.9	25.4	4.5	4.5	-2,315	-2,266
% Perubahan/Bahagian	10.7	21.1	100.0	100.0	1.0	27.6	100.0	100.0		
RM juta			268,462				223,538		46,605	44,924

Sumber: Jabatan Perangkaan.

telah berkembang 32.5% dan menyumbang 55.4% daripada jumlah eksport. Produk E&E, kimia dan produk kimia serta minyak sawit meningkat 24.4% dan menyumbang 54.2% kepada jumlah import bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004. Malaysia mencatat lebih dagangan dengan Vietnam (RM1,523 juta), Thailand (RM791 juta) dan Brunei (RM728 juta), sebaliknya mengalami defisit perdagangan dengan Indonesia (RM2,737 juta) dan Filipina (RM1,299 juta).

Jumlah perdagangan dengan EU, terus kekal sebanyak 12.4% (Januari-Julai 2003: 12.3%) daripada jumlah dagangan Malaysia. Permintaan barangan Malaysia dari EU meningkat 20.3% (Januari-Julai 2003: 11.4%), sebahagian besarnya terdiri daripada produk E&E (57.6%). Sebanyak 12.1% daripada jumlah import negara adalah dari EU yang sebahagian besarnya (68.8% daripada jumlah import) terdiri daripada produk E&E, jentera dan mesin, perkakasan dan alat ganti serta kimia dan produk kimia. Dari segi jumlah perdagangan, Jerman merupakan rakan dagang utama yang menyumbang 3.3% dari jumlah perdagangan EU, diikuti Belanda (2.1%) dan United Kingdom (UK) (2%). Lebih perdagangan sebanyak RM6,819 juta (Januari-Julai 2003: RM7,331 juta) telah dicatat, terutamanya dengan Belanda (RM6,596 juta) dan UK (RM2,118 juta), manakala defisit perdagangan dicatat dengan Jerman (RM4,379 juta) dan Sweden (RM913 juta).

Imbangan Pembayaran

Rizab antarabangsa meningkat pada paras tertinggi berikutan kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran negara semakin kukuh...

Prestasi Malaysia yang memberangsangkan bagi tujuh bulan pertama tahun 2004 yang didorong oleh pertumbuhan persekitaran luar dijangka mengekalkan kedudukan positif keseluruhan imbangan pembayaran negara bagi empat tahun berturut-turut. Akaun semasa imbangan pembayaran dijangka mencatat lebih bagi tujuh tahun berturut-turut. Defisit akaun perkhidmatan dijangka menguncup, tetapi akaun pendapatan

dan pindahan semasa dijangka kekal mencatatkan defisit pada tahun 2004. Walau bagaimanapun, lebih akaun barangan yang lebih tinggi dijangka lebih daripada mencukupi untuk membiayai jumlah pembayaran bersih dalam akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa. Akaun kewangan dijangka mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah pada tahun 2004, terutamanya berikutan aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio yang lebih tinggi. Tahun 2004 sekali lagi menyaksikan catatan lebih kedudukan imbangan pembayaran negara yang ketara hasil lebih akaun semasa yang sangat tinggi dan aliran keluar bersih akaun kewangan yang lebih rendah.

Peningkatan ketara permintaan barangan pembuatan dalam kitaran permintaan dunia, menyediakan potensi besar bagi eksport barangan berkembang 17.5% pada tahun 2004 (2003: 11.3%). Pertumbuhan kukuh bil import barangan dianggar sebanyak 21.3% (2003: 5.2%), sebahagian besarnya berpunca daripada import yang lebih tinggi bagi barangan perantaraan dan modal. Import barangan ini membolehkan pengeluaran dan eksport sektor pembuatan yang lebih teguh. Walaupun bil import lebih tinggi, **akaun barangan** dianggar mencatat lebih yang sangat besar berjumlah RM103,453 juta pada tahun 2004 (2003: RM97,701 juta) iaitu jumlah tertinggi yang pernah tercatat dalam sejarah negara.

Defisit **akaun perkhidmatan** dijangka bertambah baik kepada RM8,828 juta pada tahun 2004 (2003: -RM15,026 juta). Jumlah defisit yang semakin menguncup disumbangkan sebahagian besarnya oleh peningkatan lebih dalam akaun perjalanan. Aliran masuk bagi akaun perjalanan juga dianggar terus meningkat 35.6% (2003: -17.1%), berikutan pertambahan ketibaan pelancong, termasuk dari Asia Barat ketika cuti musim panas. Peningkatan pendapatan boleh guna membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia melancong dan menyebabkan debit akaun perjalanan meningkat 17.5% (2003: 8.7%). Aliran masuk akaun pengangkutan dianggar kembali meningkat 22.7% pada tahun 2004 (2003: -3.1%), hasil daripada peningkatan aktiviti *transshipment* kargo dan penambahan kapasiti oleh syarikat perkapalan dan penerbangan Malaysia.

JADUAL 2.17

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran
2003-2004
(RM juta)

	2003			2004 ¹		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Barangan	398,998	301,297	97,701	468,874	365,421	103,453
Perkhidmatan	51,595	66,621	-15,026	62,931	71,759	-8,828
Pengangkutan	10,514	23,787	-13,274	12,902	29,034	-16,132
Perjalanan	22,423	10,816	11,607	30,395	12,710	17,685
Perkhidmatan lain	18,206	31,225	-13,019	19,186	29,092	-9,906
Urus niaga kerajaan	452	793	-341	448	923	-475
Pendapatan	13,103	35,630	-22,527	13,209	39,960	-26,751
Pampasan pekerja	2,170	3,120	-950	2,103	2,799	-696
Pendapatan pelaburan	10,933	32,510	-21,577	11,106	37,161	-26,055
Pindahan semasa	1,929	11,229	-9,300	1,899	11,806	-9,907
Akaun semasa	465,625	414,777	50,848	546,913	488,946	57,967

¹ Anggaran.

Akaun pendapatan dianggar mencatat defisit yang lebih besar berjumlah RM26,751 juta pada tahun 2004 (2003: -RM22,527 juta). Defisit yang lebih meluas ini akibat aliran keluar yang dianggar meningkat 14.3% (2003: 7.1%), sebahagian besarnya berikutan peningkatan keuntungan dan dividen syarikat multinasional (MNC) yang beroperasi di Malaysia. Keuntungan dan dividen syarikat Malaysia yang melabur di luar negara juga dianggar berkembang sederhana pada kadar 1.6% (2003: 68.8%), berikutan suasana antarabangsa yang semakin kukuh.

Aliran keluar bersih **pindahan semasa** dianggar meningkat kepada RM9,907 juta pada tahun 2004 (2003: -RM9,300 juta). Bayaran pindahan semasa dianggar berkembang 5.1% pada tahun 2004 (2003: -14.1%), berikutan sebahagian besarnya penghantaran keluar wang yang lebih tinggi oleh pekerja asing. Terimaan daripada pindahan semasa, sebahagian besarnya melalui rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara, dianggar susut 1.5% pada tahun 2004 (2003: -23.2%). Kedudukan **akaun semasa** imbangan pembayaran negara dianggar mencatat lebihan ketara berjumlah RM57,967 juta atau 14.1% daripada keluaran negara kasar (KNK) (2003: RM50,848 juta; 13.7% daripada KNK), setelah


mengambil kira defisit dalam akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa.

Akaun kewangan pula dianggar mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah berjumlah RM5,895 juta pada tahun 2004 (2003: -RM12,146 juta), berikutan sebahagian besarnya oleh peningkatan aliran masuk pelaburan portfolio kepada RM17,575 juta (2003: RM4,168 juta). Di samping itu, aliran masuk bersih FDI juga meningkat, khususnya dalam sektor pembuatan. Sungguhpun begitu, Malaysia akan terus menerima pelaburan dalam sektor perkhidmatan serta industri minyak dan gas. Akaun pelaburan lain, termasuk pinjaman, kredit dagangan dan deposit bank dianggar mencatat aliran keluar bersih berjumlah RM28,270 juta (2003: -RM20,508 juta) terutamanya melalui pembayaran hutang luar negara. **Kedudukan keseluruhan** imbangan pembayaran dianggar mencatat lebihan yang sangat kukuh berjumlah RM42,340 juta pada tahun 2004 (2003: RM39,059 juta) setelah mengambil kira komponen kesilapan dan ketinggalan.

Rizab antarabangsa Malaysia terus meningkat ke paras tertinggi pernah dicatatkan iaitu RM206,893 juta (USD54,446 juta) pada 14 Ogos

CARTA 2.13

Rizab Antarabangsa



¹ Pada 14 Ogos 2004.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

2004 (31 Disember 2003: RM170,476 juta; USD44,862 juta). Pendapatan eksport yang lebih tinggi serta aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio adalah merupakan penyumbang utama kepada peningkatan kedudukan rizab. Jumlah aliran masuk lebih daripada mencukupi untuk menampung aliran keluar yang sebahagian besarnya terdiri daripada barangan, perkhidmatan dan pembayaran pinjaman luar. Kedudukan rizab pada 14 Ogos 2004 cukup untuk membiayai 7.2 bulan import tertanggung dan lima kali hutang luar jangka pendek. Rizab antarabangsa Malaysia kekal kukuh, boleh diguna dan tidak membebankan.

Kedudukan Sumber Negara


Sumber negara lebih teguh dengan pendapatan eksport menggalakkan...

Pendapatan negara dalam nilai nominal terus mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 10.8%

pada tahun 2004 (2003: 10.4%), selaras dengan peningkatan perolehan eksport yang ketara dan kegiatan ekonomi domestik yang kian pesat. **Tabungan negara kasar** dianggarkan terus meningkat 11.2% kepada RM150,288 juta atau 36.5% kepada KNK (2003: 16%; RM135,094 juta; 36.4% kepada KNK), meskipun perbelanjaan penggunaan terus meningkat kukuh sebanyak 10.7% (2003: 8.5%) khususnya perbelanjaan penggunaan awam. Tabungan ini yang disumbang sebahagian besar oleh sektor swasta sebanyak 60.4% (2003: 44.8%) boleh digembleng untuk membiayai pelaburan domestik. Perbelanjaan keseluruhan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) masih kekal pada paras yang tinggi iaitu 22.4% daripada KNK atau RM92,321 juta (2003: 22.7% kepada KNK; RM84,246 juta). Ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan kukuh dalam perbelanjaan pelaburan swasta, walaupun terdapat pengurangan perbelanjaan secara progresif dan rasionalisasi projek pembangunan Kerajaan Persekutuan. Memandangkan paras tabungan negara kasar melebihi keseluruhan perbelanjaan pelaburan, sekali lagi **jurang**

CARTA 2.14

Jurang Tabungan-Pelaburan



¹ Termasuk perubahan dalam stok.

tabungan pelaburan mencatat lebih yang besar sebanyak RM57,967 juta atau 14.1% kepada KNK pada tahun ini (2003: RM50,848 juta; 13.7% kepada KNK), mencerminkan pengukuhan asas ekonomi negara.

Harga

Inflasi kekal rendah walaupun permintaan meningkat dan harga minyak lebih tinggi...

Inflasi kekal rendah pada tahun 2004. Walaupun permintaan domestik dan harga komoditi terus kukuh, produktiviti yang lebih tinggi dan kos buruh seunit dalam sektor pembuatan serta persekitaran upah yang stabil dapat membendung kenaikan paras harga secara umum. Kadar inflasi di Malaysia jauh lebih rendah berbanding anggaran negara ASEAN yang lain seperti Indonesia,

Filipina dan Thailand yang mencatat kadar antara 2% dan 5%.

Harga komoditi yang tinggi terutamanya minyak mentah hanya memberi kesan minimum kepada paras harga keseluruhan memandangkan harga runcit produk petroleum khususnya gasolin, diesel dan LPG dikawal melalui mekanisme harga automatik (APM) bagi menjamin kestabilan harga pasaran.

Inflasi kekal stabil pada paras 1.1% bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: 1.1%). Lebih daripada separuh (53.1%) kenaikan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) disumbangkan oleh kumpulan makanan yang merupakan komponen terbesar dalam IHP, dengan kenaikan 1.7% (Januari-Julai 2003: 1.2%). Kenaikan harga daging (3.8%), ikan (2.7%) serta susu dan telur (2.7%) menyumbang kepada peningkatan harga makanan di rumah sebanyak 1.8% (Januari-Julai 2003: 1.3%). Kenaikan harga produk ini berpunca daripada permintaan kukuh bagi ikan dan daging berikutan daripada kebimbangan terhadap kesan selesema burung di beberapa negara serantau yang menimbulkan keadaan penawaran yang ketat terhadap barangan ini. Tindakan segera Kerajaan pada bulan Februari dan Mac bagi menghindar industri ayam-itik tempatan daripada dijangkiti selesema burung telah memberi keyakinan untuk memakan daging ayam dan dengan itu telah membantu menstabilkan harga susu, telur, ikan dan daging.

Kumpulan sewa kasar, bahan api dan kuasa mencatat kenaikan harga marginal iaitu 0.9% (Januari-Julai 2003: 0.8%). Kumpulan ini yang menyumbang 20.7% kepada peningkatan IHP merupakan penyumbang kedua terbesar selepas makanan. Peningkatan IHP telah diimbangi oleh kenaikan harga yang perlahan dalam kumpulan pengangkutan dan komunikasi iaitu 0.4% (Januari-Julai 2003: 2.3%), kesan sebahagiannya dari persaingan sihat dalam sektor telekomunikasi dan runcit. Memandangkan kumpulan ini mempunyai wajaran yang besar (18.8%), kenaikan harganya yang perlahan telah membantu mengurangkan paras kenaikan IHP secara keseluruhan.

JADUAL 2.18


Indeks Harga Pengguna Januari-Julai (2000=100)

	Wajaran	Perubahan (%)		Sumbangan kepada Pertumbuhan (%)	
		2003	2004	2003	2004
Jumlah	100.0	1.1	1.1	100.0	100.0
Makanan	33.8	1.2	1.7	40.0	53.1
Minuman dan tembakau	3.1	0.1	5.0	0.3	14.8
Pakaian dan kasut	3.4	-2.1	-2.0	-6.6	-6.2
Sewa kasar, bahan api dan kuasa	22.4	0.8	0.9	16.2	20.7
Perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah	5.3	-0.5	0.1	-2.5	0.5
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.8	1.9	1.3	3.2	2.2
Pengangkutan dan perhubungan	18.8	2.3	0.4	39.6	6.4
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pendidikan dan kebudayaan	5.9	0.6	-0.1	3.3	-0.6
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	5.5	1.2	1.7	6.5	9.1

Sumber: Jabatan Perangkaan.

CARTA 2.15

Arah Aliran Indeks Harga Pengeluar (IHPG) 2002-Julai 2004



Sumber: Jabatan Perangkaan.

Harga minuman dan tembakau meningkat 5% (Januari-Julai 2003: 0.1%) berikutan daripada duti eksais dan import yang lebih tinggi untuk rokok dan tembakau. Walau bagaimanapun, kesan ke atas IHP tidak ketara kerana wajarnya yang kecil. Sementara itu, harga kumpulan pakaian dan kasut terus berkurang sebahagiannya kerana persaingan sengit terutamanya dari import yang lebih tinggi dari China dan Thailand.

Dari segi pecahan kawasan bandar dan luar bandar, pergerakan harga masing-masing kekal pada paras 1% dan 1.1% (Januari-Julai 2003: 1%; 1.1%). Kadar inflasi di Semenanjung Malaysia mencatat kenaikan 1.2% berbanding purata kebangsaan, sementara Sabah dan Sarawak mencatat kadar yang lebih rendah masing-masing pada 0.8% dan 0.6%, disebabkan sebahagian besarnya oleh harga daging dan makanan laut yang lebih rendah.

Indeks Harga Pengeluar (IHPG) menunjukkan tren yang kian meningkat dalam tempoh Januari-Mei 2004 selaras dengan peningkatan harga komoditi dunia tetapi berkurangan kepada 9.7% pada Julai, seperti di Carta 2.15. Penurunan ini disebabkan oleh harga minyak sawit mentah yang lebih rendah di pasaran dunia. Sungguhpun begitu, peningkatan IHPG tidak menyebabkan kenaikan IHP lantaran peningkatan produktiviti serta penyerapan sebahagian daripada kenaikan kos oleh pengeluar.

IHPG bagi pengeluaran tempatan, dengan wajaran 79.3% daripada IHPG agregat, meningkat 9.7% pada tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: 8.4%). Sementara IHPG bagi import, dengan wajaran 20.7%, menunjukkan peningkatan 1.6% (Januari-Julai 2003: 0.6%). Kesannya, IHPG keseluruhan mencatatkan pertumbuhan 8.3% (Januari-Julai 2003: 7%).

Pasaran Buruh

Pasaran buruh terus stabil dan rancak...

Pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh serta peningkatan permintaan buruh berikutan daripada kegiatan pelaburan swasta yang kembali pulih dan prestasi eksport yang lebih baik dijangka akan membawa kepada prospek pekerjaan yang lebih baik serta pemberhentian kerja yang lebih rendah. Oleh itu, **pasaran buruh** bagi tahun 2004 dijangka terus stabil dengan kadar pengangguran menurun sedikit kepada 3.5% (2003: 3.6%), di bawah kadar 4% yang biasanya dianggap guna tenaga penuh. Produktiviti buruh terutamanya dalam sektor pembuatan dijangka kekal lebih tinggi daripada peningkatan kos unit buruh (ULC) dalam suasana paras upah yang rendah. Produktiviti yang lebih tinggi adalah baik untuk negara dari segi daya saing.

Tenaga buruh dianggar meningkat 3.4% pada tahun 2004. Secara keseluruhan, kadar penyertaan tenaga buruh dianggar meningkat kepada 68.2% pada tahun 2004 (2003: 67.3%), sebahagian besarnya kerana peningkatan kadar penyertaan wanita yang lebih tinggi. Pembangunan ICT telah membolehkan wanita bekerja dari rumah dengan masa kerja yang lebih anjal. Semakin ramai tenaga kerja yang memasuki pasaran buruh merupakan golongan terpelajar. Lebih 50% daripada jumlah

JADUAL 2.19

Indeks Harga Pengeluar Januari-Julai (1989=100)

	Wajaran	Perubahan (%)	
		2003	2004
Ekonomi Domestik	100.0	7.0	8.3
Makanan dan binatang hidup yang boleh dimakan	14.9	-1.7	4.2
Minuman dan tembakau	2.1	1.1	1.4
Bahan mentah tak boleh dimakan kecuali bahan api	18.0	8.7	8.8
Minyak galian, pelicin & bahan yang berkaitan	18.8	15.7	14.5
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	8.5	21.7	20.5
Kimia dan keluaran kimia yang berkaitan	4.4	1.6	3.3
Barangan pembuatan dijeniskan mengikut bahan	10.8	1.6	2.0
Alat jentera dan kelengkapan pengangkutan	18.3	0.1	0.1
Pelbagai perniagaan & barangan yang tidak dikelaskan secara khusus dalam 'SITC'	3.6	0.7	0.9
Pelbagai barang keluaran kilang	0.6	0.8	0.2
Pengeluaran Tempatan	79.3	8.4	9.7
Import	20.7	0.6	1.6

Sumber: Jabatan Perangkaan.

JADUAL 2.20

Penunjuk Pasaran Buruh

	('000)		Perubahan (%)	
	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹
Tenaga buruh	10,565.9	10,925.2	3.6	3.4
Guna tenaga	10,181.1	10,545.6	3.5	3.6
Pengangguran	384.8	379.6	3.6 ²	3.5 ²

¹ Anggaran.² % kepada tenaga buruh.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

keseluruhan tenaga buruh pada masa ini berpendidikan menengah manakala yang berpendidikan tinggi dianggarkan meningkat daripada 17.5% pada 2003 kepada 18% pada 2004, hasil termasuk pelajar yang lebih ramai ke institusi pengajian tinggi.

Ekonomi yang lebih kukuh serta kegiatan perniagaan yang rancak telah meningkatkan peluang pekerjaan. Jumlah guna tenaga dijangka meningkat sebanyak 364,500 pada 2004.

Pekerjaan dalam sektor kedua dijangka menyumbang 36.6% (atau 3.86 juta) daripada jumlah pekerjaan manakala sektor ketiga 49.7% (atau 5.24 juta). Walau bagaimanapun, sektor pertama yang terdiri daripada pertanian, perhutanan, perikanan dan perlombongan dijangka hanya memberikan sumbangan yang sedikit kepada pengwujudkan pekerjaan baru ekoran usaha yang diambil untuk peningkatan penggunaan mesin di sektor tersebut.

Bursa Buruh Elektronik (ELX) mencatatkan 28,327 kekosongan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 berikutan peraturan supaya majikan mendaftar kekosongan melalui *Job Clearing System* (JCS) yang telah diwujudkan oleh Kementerian Sumber Manusia sejak Januari 2004. Angka ini berkemungkinan lebih kecil daripada keadaan sebenar memandangkan majikan belum biasa dengan sistem tersebut. Kekosongan tertumpu pada sektor pembuatan (32.2%), terutamanya subsektor E&E, sektor perkhidmatan seperti kewangan (15.5%), perdagangan borong dan runcit (6.1%), pendidikan (5.7%) serta pembinaan (5.3%). Selangor mencatat kekosongan paling tinggi dengan 16.4% diikuti Wilayah Persekutuan (13.7%), Kedah (10.4%) dan Perak (10.1%).

JADUAL 2.21

Guna Tenaga Mengikut Sektor

	('000)		Bahagian (%)		Perubahan (%)	
	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹	2003	2004 ¹
Pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan	1,402.6	1,400.3	13.8	13.3	-0.2	-0.2
Perlombongan	42.8	43.4	0.4	0.4	1.4	1.4
Pembuatan	2,857.8	3,064.5	28.0	29.0	6.6	7.2
Pembinaan	791.9	798.2	7.8	7.6	1.3	0.8
Perkhidmatan	5,086.0	5,239.2	50.0	49.7	3.1	3.0
Elektrik, gas dan bekalan air	89.5	93.5	0.9	0.9	5.9	4.5
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	528.3	550.1	5.2	5.2	3.9	4.1
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	1,719.3	1,777.2	16.9	16.9	1.2	3.4
Kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	651.8	677.1	6.4	6.4	7.4	3.9
Perkhidmatan Kerajaan	1,026.1	1,037.4	10.1	9.8	7.7	1.1
Perkhidmatan lain	1,071.0	1,103.9	10.5	10.5	3.3	3.1
JUMLAH	10,181.0	10,545.6	100.0	100.0	3.5	3.6
Sektor pertama	1,445.4	1,443.7	14.2	13.7	1.2	1.2
Sektor kedua	3,649.7	3,862.7	35.8	36.6	7.9	8.0
Sektor ketiga	5,086.0	5,239.2	50.0	49.7	3.1	3.0

¹ Anggaran.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi.

SISTEM UPAH BERASASKAN PRODUKTIVITI (PLWS)

Pengenalan

Globalisasi menuntut tindak balas segera kepada cabaran-cabarannya bagi memastikan keberhidupan negara dan syarikat. Syarikat perlu sentiasa memperbaiki daya saing mereka melalui inovasi produk serta mengurangkan kos. Ini dapat dicapai melalui peningkatan produktiviti buruh dan juga modal. Dari segi produktiviti buruh kenaikan upah perlu berpadanan dengan peningkatan produktiviti bagi memastikan syarikat terus berdaya saing, yang menjadi prinsip asas Sistem Upah Berasaskan Produktiviti (PLWS). Pada masa ini, Kerajaan sedang memberi penekanan kepada pelaksanaan PLWS yang dikenal pasti sebagai satu instrumen penting dan kritikal ke arah budaya berasaskan prestasi.

Rasional Pelaksanaan PLWS

Sistem upah di Malaysia kini berasaskan kenaikan tetap gaji tahunan yang dirundingkan setiap tiga tahun sekali oleh kesatuan sekerja syarikat terbabit. Atas kesedaran pentingnya menghubungkan peningkatan upah dengan produktiviti, Kerajaan telah mempertingkatkan usaha untuk mempercepatkan pelaksanaan PLWS bagi memastikan upah meningkat berdasarkan peningkatan produktiviti dan seterusnya meningkatkan daya saing negara, satu Kumpulan Kerja Tiga Penjurong yang terdiri daripada Kerajaan, kesatuan sekerja dan majikan telah dibentuk untuk merangka Garis Panduan mengenai Sistem Reformasi Upah bagi membina hubungan yang lebih rapat antara upah dan produktiviti. Garis Panduan ini mengandungi tiga model asas yang menghubungkan upah dengan produktiviti bagi dilaksanakan dan diubahsuai oleh syarikat-syarikat di Malaysia dan telah diterimapiakai oleh Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) pada tahun 1996. Ketiga-tiga model ini telah diperbaiki lagi dan diserapkan dalam PLWS. PLWS juga mengambil kira keperluan asas pekerja serta memberi ganjaran pekerja yang produktif.

Kepentingan PLWS telah dinyatakan dalam beberapa Rancangan Pembangunan Negara. Rancangan Malaysia ke Lapan (RMKe-8) memberi penekanan kepada perlunya dipercepatkan pelaksanaan PLWS bagi memastikan kadar upah benar-benar dihubungkan dengan produktiviti. Kajian Separuh Penggal RMKe-8 sekali lagi menekankan keperluan untuk meningkatkan lagi pelaksanaan PLWS dan menggalakkan syarikat berkongsi pengalaman mengenai unsur kejayaan pelaksanaan PLWS bagi digunapiakai oleh syarikat lain.

Bagi sektor awam, Kerajaan telah memperkenalkan satu set inisiatif ke arah mempromosikan satu budaya berprestasi tinggi di kalangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs). Satu inisiatif penting ialah pelaksanaan Penunjuk Utama Prestasi (KPIs) dan pengenalan Pampasan Berdasarkan Prestasi untuk semua GLC. Ia bertujuan untuk memacu GLC mencapai prestasi yang lebih tinggi dan lebih berdaya saing di peringkat global, dengan memberikan pampasan yang setimpal kepada pekerja. Dengan cara ini, GLC akan mengetuai sektor swasta dalam menjana pertumbuhan jangka panjang yang mampan untuk Malaysia.

Model PLWS

PLWS terdiri daripada komponen tetap dan berubah. Sistem upah ini akan memastikan upah tidak meningkat lebih cepat berbanding produktiviti. Gaji pokok merupakan komponen tetap yang memberi kestabilan kepada pendapatan, menjadi penunjuk nilai pekerjaan dalam pasaran dan juga mencerminkan kos sara hidup. Komponen berubah pula di tentukan oleh prestasi ekonomi, produktiviti pekerja dan keuntungan syarikat. Tiga Model asas telah dibangunkan untuk digunapiakai oleh syarikat.

Model tersebut ialah Model Keuntungan, Model Produktiviti dan Model Matrik Produktiviti/Keuntungan atau Model Campuran, yang mengaitkan produktiviti dengan keuntungan.

Model Keuntungan

Model Keuntungan terdiri daripada pembayaran bonus yang bergantung kepada paras keuntungan syarikat. Jumlah bonus berdasarkan formula perkongsian keuntungan yang telah dipersetujui antara pihak pengurusan dan pekerja. Formula juga akan disemak semula dari masa ke semasa. Paras keuntungan yang digunakan boleh terdiri daripada paras hakiki atau paras perbandingan, sementara data untuk tahun-tahun kebelakangan akan menentukan ambang paras keuntungan. Insentif upah akan dibayar jika keuntungan melebihi ambang atau paras yang ditentukan.

Contoh Model Keuntungan:

Keuntungan selepas cukai (RM juta)	Bonus Gaji (bulan)
< 1.5 (ambang)	0
1.5 – 1.99	0.5
2.0 – 2.49	1.0
2.5 – 2.99	1.5
3.0 dan ke atas	2.0

Berdasarkan jadual di atas, jika keuntungan selepas cukai berada antara RM2.0–2.49 juta, bonus sebanyak sebulan akan diberikan. Walau bagaimanapun, jika keuntungan berada di bawah paras RM1.5 juta, tiada pembayaran bonus bagi tahun tersebut.

Model Produktiviti

Dalam Model Produktiviti, pembayaran yang berubah-ubah adalah berdasarkan peningkatan produktiviti syarikat atau individu. Insentif upah bagi sesuatu tahun akan selaras dengan peningkatan produktiviti.

Contoh Model Produktiviti:

Formula: $T = A + P$

Di mana T = jumlah kenaikan upah

A = peningkatan upah tahunan

P = bayaran perubahan produktiviti

Tahun 1

Jika gaji pokok = RM1,000 sebulan, $A = 2\%$ dan $P = 4\%$

Gaji pokok + $A = RM1,000 + 2\% (RM1,000) = RM1,020$ sebulan (dijadikan gaji pokok)

$P = 4\% \times RM1,000 \times 12$ bulan = RM480.00 setahun

Faedah-faedah PLWS

Dengan melaksanakan PLWS, syarikat dapat mempertingkatkan produktiviti, mengekang kos dan memperbaiki daya saing. Antara faedah yang dapat diperolehi dari sistem ini ialah seperti berikut:

- a. Memastikan pekerja mendapat pulangan yang wajar daripada peningkatan produktiviti dan prestasi syarikat;
- b. Memberikan motivasi untuk prestasi terbaik;
- c. Menyediakan struktur upah yang lebih anjal yang mampu menghadapi perubahan ekonomi;
- d. Membantu meningkatkan daya saing syarikat dalam ekonomi global; dan
- e. Memperbaiki hubungan antara pengurusan dan buruh.

Pelaksanaan PLWS

Sejak awal tahun 90-an, Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) telah terlibat secara aktif dalam pembangunan, promosi, menjalankan kajian, data upah dan produktiviti, perkhidmatan konsultasi dan juga pembangunan sistem PLWS. Dari tahun 2000 hingga Jun 2004, NPC telah membantu 101 syarikat melaksanakan PLWS. Pada tahun 1998, NPC telah menerbitkan buku panduan bertajuk *The Productivity-Linked Wage Sistem* yang memberikan model contoh dan juga pengalaman syarikat yang melaksanakan PLWS.

Jadual 2 menunjukkan pengagihan perjanjian kolektif yang mengandungi komponen berkaitan produktiviti dalam tiga sektor utama, iaitu perkilangan, perkhidmatan dan pertanian bagi tempoh 2001-2003. Pada 2003, sejumlah 367 perjanjian kolektif telah ditandatangani yang menunjukkan 64.2% dari sektor perkilangan mengandungi elemen berhubung produktiviti, manakala sektor perkhidmatan pula sebanyak 29.7%.

JADUAL 2

Pengagihan Perjanjian Kolektif Dengan Komponen Berhubung Produktiviti Mengikut Sektor 2001-2003

Sektor	Jumlah Perjanjian Kolektif (CA)			Bilangan CA dengan Komponen Berhubung Produktiviti			Peratus CA dengan Komponen berhubung Produktiviti (%)		
	2001	2002	2003	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Perkilangan	227	129	216	121	64	106	59.0	53.3	64.2
Perkhidmatan	139	98	141	77	47	49	37.6	39.2	29.7
Pertanian	7	9	10	7	9	10	3.4	7.5	6.1
Jumlah	373	236	367	205	120	165	100.0	100.0	100.0

Isu dan Cabaran PLWS

Antara isu dan cabaran dalam melaksanakan PLWS adalah seperti berikut:

- a. Syarikat menyedari tentang kepentingan PLWS dalam meningkatkan daya saing. Walau bagaimanapun, untuk memastikan perubahan sistem yang lancar, komitmen dan kerjasama yang padu antara pengurusan atasan dan pekerja adalah perlu. Perkongsian maklumat mengenai sistem oleh pihak pengurusan sangat penting dalam memastikan sistem tersebut berfungsi;
- b. Kebimbangan umum pekerja lebih berfokus kepada kestabilan kerja dan pendapatan. Kebanyakan pekerja berpendapat, sistem upah baru yang berasaskan produktiviti/prestasi akan menimbulkan ketidakpastian dalam pendapatan. Namun begitu, PLWS mempunyai komponen tetap yang memberikan elemen kestabilan kepada upah;
- c. Perlu diadakan satu sistem penilaian prestasi yang adil dan saksama kerana ini akan memastikan produktiviti dan prestasi dapat ditingkatkan. Sistem penilaian dan penunjuk utama yang akan digunakan perlu dibangunkan bersama oleh majikan dan pekerja serta dipersetujui oleh kedua-dua pihak;
- d. Sistem tersebut perlu disemak dari masa ke semasa dengan penambahbaikan dilakukan bila perlu. Ini akan memerlukan maklum balas dan penyertaan dari majikan serta pekerja yang akan memupuk rasa tanggungjawab, hak milik dan komitmen dari kedua-dua pihak dalam memastikan sistem tersebut memberi manfaat dan sesuai dilaksanakan; dan
- e. Pekerja memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan sistem baru. Mereka juga perlu diberi kesedaran tentang faedah dari sistem tersebut. Oleh itu, tempoh perubahan yang sesuai wajar diberikan bagi menggalakkan pelaksanaan PLWS. Dalam tempoh ini, PLWS disemak semula jika perlu bagi memastikan sistem tersebut adil untuk pekerja dan majikan.

Sistem Upah di Beberapa Negara Asia:

Sistem upah yang berdasarkan kekananan dengan kadar gaji tetap yang tidak mencerminkan prestasi individu dan ekonomi, telah menjadi isu utama di kalangan negara maju seperti Jepun, Korea dan Singapura. Tambahan pula, peningkatan kos buruh dan ketidakpastian ekonomi telah menyebabkan negara-negara ini beralih kepada sistem upah berasaskan prestasi. Faktor kejayaan dan faedah yang diperoleh oleh negara-negara ini hasil dari pelaksanaan sistem tersebut adalah seperti berikut:

- a. Kerjasama yang erat antara Kerajaan, majikan dan pekerja penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan sistem ini. Di negara ini, Kerajaan tidak campur tangan dalam perundingan upah tetapi menyokong pelaksanaan sistem ini. Walau bagaimanapun, di negara seperti Singapura dan Jepun yang mempunyai kerjasama erat antara ketiga-tiga pihak, pelaksanaan sistem upah berasaskan prestasi ini adalah lebih berjaya;
- b. Hubungan baik antara pengurusan dan pekerja di peringkat syarikat di negara tersebut telah menyumbang kepada kejayaan sistem ini. Pekerja senang menerima sistem baru ini manakala kejujuran pihak majikan dalam berkongsi maklumat penting mewujudkan keadaan saling mempercayai antara pengurusan dan pekerja serta mengurangkan kebimbangan dieksploitasikan;
- c. Formula penilaian yang lebih realistik harus dibangunkan dan dipersetujui secara bersama oleh pihak majikan dan pekerja. Pekerja akan lebih terbuka bagi menerima sistem baru ini jika mereka dirujuk dan sama terlibat dalam membangunkan formula penilaian tersebut; dan

- d. Tempoh semakan semula upah yang lebih pendek dan perjanjian yang boleh diubahsuai telah diamalkan di Jepun, Korea dan Singapura. Pelarasan upah di negara-negara ini dibuat setiap tahun dan tidak terkongkong sepanjang tempoh perjanjian kolektif. Ini adalah untuk memastikan kadar upah lebih sensitif kepada perubahan ekonomi dan pelarasan upah dapat dilakukan dengan lebih cepat.

Peranan Kerajaan

Kerajaan adalah komited terhadap pelaksanaan PLWS. Usaha Kerajaan sekarang ini kepada mempromosikan sistem ini dan mempertingkatkan kesedaran untuk memudahkan penerimaan serta pelaksanaannya. Bagi sektor awam, GLC telah diarahkan supaya mengamalkan budaya yang mementingkan prestasi melalui pelaksanaan KPI dan upah berasaskan prestasi. Sehingga kini, kira-kira 50 buah syarikat Malaysia termasuk tujuh buah GLC telah melaksanakan PLWS.

Kesimpulan

Berhadapan dengan persaingan yang meningkat dan impak ekonomi baru syarikat-syarikat di Malaysia tidak mampu untuk terus selesa dan harus berusaha untuk mencari pasaran baru di peringkat antarabangsa dengan mempertingkatkan daya saing mereka. Mereka tiada pilihan; sama ada syarikat melalui pekerja mereka perlu berjaya dan diberi ganjaran atau menerima padah sebaliknya.

Kerajaan, melalui NPC, akan terus berusaha meningkatkan kesedaran mengenai sistem ini melalui seminar, bengkel, dialog dan juga bahan penerbitan. Untuk mempertingkatkan pelaksanaan sistem ini NPC akan terus menyediakan khidmat nasihat dan pembangunan sistem kepada syarikat yang ingin melaksanakan PLWS. Memandangkan kejayaan PLWS dan pelaksanaan serta penerimaan sistem ini secara meluas oleh syarikat-syarikat di Malaysia akan bergantung penuh kepada kerjasama antara Kerajaan, majikan dan pihak pekerja, lebih banyak perbincangan perlu diadakan di kalangan tiga pihak yang terlibat bagi menghapuskan semua kebimbangan mengenai sistem ini.

Indeks Keyakinan Pekerja (ECI) yang diterbitkan oleh Jobstreet.com menunjukkan keyakinan **pencari kerja** untuk mendapat pekerjaan dalam pasaran buruh telah meningkat kepada 43.5% pada Julai 2004 (Julai 2003: 32.5%). Ini digambarkan dengan penurunan 26.4% bagi jumlah pencari kerja berdaftar (27,514 orang) dengan Jabatan Buruh dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004. Kira-kira 47.7% (13,118 orang) pencari kerja berhasrat mendapat pekerjaan dalam kategori profesional sementara bakinya dalam kategori kemahiran lebih rendah seperti perkeranian, operator mesin, penjualan, pertanian dan perikanan serta jawatan am yang lain.

Bilangan **pekerja yang diberhentikan** merosot 4.2% kepada 13,693 orang bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004 (Januari-Julai 2003: -11%; 14,288 orang). Aktiviti ekonomi yang kukuh dan permintaan buruh yang lebih tinggi membantu mengurangkan bilangan pekerja yang diberhentikan. Majoriti pekerja yang diberhentikan adalah dari sektor pembuatan (60.3%) dan sektor perkhidmatan (31.3%). Antara sebab utama pemberhentian pekerja ialah pengurangan permintaan produk kerana kitaran jangka hayat produk, penstrukturan dan penyusunan semula syarikat, penggabungan dan pengambilalihan serta penggunaan automasi yang lebih tinggi.

PEKERJA ASING DAN EKONOMI MALAYSIA

Pengenalan

Ekonomi Malaysia sentiasa mencatat pertumbuhan tinggi yang mapan dan membanggakan sepanjang tempoh 1990-1997 iaitu sebelum krisis kewangan Asia. Pertumbuhan kukuh ini telah mewujudkan pekerjaan yang banyak dengan guna tenaga meningkat lebih tinggi berbanding dengan pertumbuhan tenaga buruh. Oleh itu, kadar pengangguran kekal pada tahap yang rendah. Ini menunjukkan bahawa negara berada dalam guna tenaga penuh sehingga hari ini. Pada masa ini, pasaran buruh mengalami kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor tertentu dalam ekonomi dari segi kuantiti dan juga kemahiran.

Senario Pasaran Buruh

Dengan pemulihan dan diikuti oleh pertumbuhan ekonomi selepas krisis yang kian meningkat, ekonomi kekal dalam guna tenaga penuh. Keadaan pasaran buruh yang ketat telah merebak ke sektor perkilangan dan perkhidmatan dan meluas ke kawasan utama seperti Lembah Klang, Pulau Pinang dan Ipoh. Keadaan ini telah menyebabkan banjir pekerja asing sama ada secara sah atau tidak. Jumlah pekerja asing berbanding jumlah guna tenaga meningkat daripada 4% pada tahun 1990 kepada lebih kurang 10.7% pada tahun 1997 dan 9% pada tahun 2001. Pada Julai 2004, terdapat kira-kira 1.3 juta pekerja asing yang berdaftar iaitu merangkumi 12% daripada jumlah guna tenaga negara.

Sungguhpun negara melalui proses industrialisasi yang pantas dan penstrukturan semula operasi korporat ke arah lebih berintensif modal, pertumbuhan kukuh ekonomi telah menyebabkan kekurangan tenaga kerja di semua peringkat. Sektor ekonomi utama seperti pertanian, pembinaan dan perkhidmatan juga mengalami masalah yang serupa.

Beberapa langkah telah diambil untuk melegakan keadaan pasaran buruh yang ketat termasuk menambahkan penawaran tenaga kerja mahir dan penggunaan mesin yang meluas. Sebagai penyelesaian segera kepada masalah tersebut, pekerja asing telah dibenarkan untuk bekerja di sektor perladangan, pembinaan dan perkhidmatan terpilih serta perkilangan. Langkah ini diambil supaya proses pertumbuhan ekonomi tidak terjejas.

Dasar Buruh Asing

Pelbagai langkah dasar berkaitan pekerja asing telah digubal untuk mengawal pekerjaan mereka di sektor-sektor ekonomi tertentu dan untuk mengawal banjir pekerja asing yang tidak sah. Ini termasuk Program Rasionalisasi Pekerja Asing untuk memberikan pengesahan kepada pekerja asing yang tidak sah, meminda Akta Imigresen 1977 dan mengenakan levi tahunan. Selain itu, beberapa Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani dengan negara-negara pengekspor buruh bagi membolehkan pengambilan pekerja asing secara sah. Pada masa ini, Malaysia membenarkan pengambilan pekerja asing daripada beberapa negara termasuk Indonesia, Nepal, Bangladesh, India dan Myanmar.

Pengilang berorientasikan eksport (lebih 50% daripada keluarannya untuk tujuan eksport) layak untuk mengambil pekerja asing, sementara mereka yang mempunyai perniagaan berorientasikan domestik juga dibenarkan mengambil pekerja asing dengan syarat-syarat tertentu. Syarikat yang mempunyai modal berbayar minima sebanyak RM100,000 dan dengan jumlah jualan RM2 juta dibenarkan mengambil pekerja asing berdasarkan nisbah seorang pekerja asing untuk seorang pekerja tempatan. Di sektor perkhidmatan, pekerja asing dibenarkan bekerja di pelbagai industri termasuk dobi dan cucian, rumah amal, kelab golf dan tempat peranginan.

Syarikat-syarikat asing seperti *MNC* dibenarkan untuk membawa pegawai dagang dalam bidang yang tidak dapat dipenuhi oleh rakyat Malaysia yang terlatih. Sebagai contoh, sebarang syarikat yang mempunyai modal berbayar asing sebanyak USD2 juta atau lebih, boleh secara automatik membawa masuk 5 pegawai dagang termasuk jawatan penting.

Profil Pekerja Asing

Penyiasatan tenaga buruh tahunan yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan menunjukkan bahawa bilangan pekerja asing telah bertambah kepada 1.1 juta pada tahun 2000 berbanding hanya 136,000 orang pada awal 1980-an. Perangkaan Imigresen yang terkini menunjukkan bahawa bilangan pekerja asing yang sah di Malaysia telah meningkat kepada 1,359,632 setakat Julai 2004. Kebanyakan pekerja asing ini adalah dari Indonesia, kira-kira 66.5% daripada jumlah pekerja asing, diikuti oleh Nepal (8.0%), Bangladesh (4.6%), India (4.5%) dan Myanmar (4.2%), seperti di *Jadual 1*. Pada tahun 2001, pekerja lelaki merangkumi 66% daripada jumlah pekerja asing dan mereka menguasai semua sektor utama kecuali perkhidmatan.

JADUAL 1

Komposisi Pekerja Asing Mengikut Negara Asal (%)

	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004 Jan.-Jul.
Indonesia	53.3	65.7	69.4	68.4	64.7	63.8	66.5
Nepal	0.1	0.1	0.1	7.3	9.7	9.7	9.2
Bangladesh	37.1	27.0	24.6	17.1	9.7	8.4	8.0
India	3.6	3.2	3.0	4.0	4.6	5.6	4.5
Myanmar	1.3	0.9	0.5	1.0	3.3	4.3	4.2
Filipina	2.7	1.8	1.2	1.0	0.8	0.6	1.1
Thailand	0.7	0.5	0.4	0.4	2.4	0.9	1.0
Pakistan	1.0	0.6	0.5	0.4	0.2	0.2	0.1
Lain-lain	0.2	0.2	0.3	0.4	4.6	6.5	5.4
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Imigresen.

Pada awal tahun 1970-an, kebanyakan pekerja asing telah diambil bekerja di sektor pertanian. Pada tahun 1990, pekerja asing dalam sektor ini merupakan 48% daripada keseluruhan pekerja asing. Pada Julai 2004, pekerja asing telah diambil untuk bekerja di semua sektor utama ekonomi dengan sektor perkilangan mencatat bahagian yang terbesar sebanyak 30.5%, perkhidmatan (25%), pertanian (24.7%) dan pembinaan (19.8%), seperti di *Jadual 2*. Kebanyakan pekerja asing di sektor perkhidmatan diambil bekerja di restoran, hotel dan sebagai pembantu rumah. Bilangan pembantu rumah domestik telah meningkat secara mendadak sebanyak lebih dari tiga kali ganda daripada 75,300 pada tahun 1997 kepada 361,006 orang pada Julai 2004. Dari segi pencapaian pendidikan, pekerja asing yang tidak mempunyai pendidikan rasmi atau pendidikan rendah meliputi 67% daripada jumlah bilangan pekerja asing.

JADUAL 2

Pengagihan Pekerja Asing Mengikut Sektor


	Bilangan pekerja ('000)					Bahagian %				
	1990	1995	2001	2003	2004 Julai	1990	1995	2001	2003	2004 Julai
Pertanian	115.8	173.0	284.1	185.9	335.2	47.9	36.1	32.9	16.5	24.7
Perlombongan	1.4	1.8	2.1	-	-	0.6	0.4	0.2	-	-
Pembinaan	25.1	64.8	99.0	265.9	269.1	10.4	13.5	11.5	23.6	19.8
Pembuatan	23.7	115.7	213.0	355.4	414.3	9.8	24.1	24.7	31.5	30.5
Perkhidmatan	76.0	124.0	265.6	319.6	340.9	31.3	25.9	30.7	28.4	25.0
Jumlah	242.0	479.3	863.8	1,126.8	1,359.5	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Jabatan Imigresen.

Implikasi ke atas Ekonomi Malaysia

Pada hakikatnya, pekerja asing telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di negara ini, terutamanya dalam mengatasi kekurangan buruh di sektor tertentu dalam ekonomi. Sungguhpun demikian, kehadiran mereka telah meletakkan tekanan kepada kemudahan awam dan perkhidmatan seperti penyediaan perkhidmatan awam, kemudahan kesihatan dan pendidikan.

Penghantaran wang keluar oleh pekerja asing juga terus meningkat seperti yang di gambarkan dalam aliran keluar pindahan semasa dalam imbangan pembayaran negara. Pada tahun 2003, akaun aliran keluar mencatatkan aliran keluar kasar RM11,229 juta berbanding RM6,957 juta pada tahun 1997, seperti di *Carta 1*.



Sejak tahun 1992, levi tahunan telah dikenakan ke atas pekerja asing bagi mengurangkan pergantungan penuh ekonomi kepada pekerja asing dan untuk melindungi peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Kadar levi bagi pekerja di sektor pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan telah meningkat sebanyak 186% daripada RM420 setahun pada tahun 1992 kepada RM1,200 setahun sejak 1996. Bagaimanapun, kadar levi bagi pekerja di industri perladangan dan sektor isi rumah tidak berubah iaitu RM360 setahun. Hasil yang dikutip termasuk bayaran visa, telah bertambah dengan ketara daripada RM245.3 juta pada tahun 1995 kepada RM1,218.8 juta pada tahun 2003, seperti di *Jadual 3*.

JADUAL 3

Hasil daripada Pekerja Asing (RM juta)

	1995	1997	2000	2001	2002	2003
Levi tahunan	218.6	1,321.8	614.1	637.1	783.9	1,109.4
Bayaran visa	26.7	51.7	53.5	68.4	84.4	109.4
Jumlah	245.3	1,373.5	667.6	705.5	868.3	1,218.8

Sumber: Jabatan Perangkaan.

Jumlah yuran perubatan yang dikutip dari warganegara asing meningkat 7.5% setiap tahun sejak 1994 kepada RM23.2 juta pada 2003, menggambarkan peningkatan bilangan pekerja asing yang mendapatkan rawatan dari hospital Kerajaan. Ini bukan sahaja memberi tekanan kepada perkhidmatan kesihatan awam tetapi juga terhadap kewangan sektor awam. Kos tertaksir bagi menyediakan penjagaan kesihatan kepada warga asing kini berjumlah RM578 juta setahun. Pekerja asing juga bersaing dengan golongan miskin untuk penginapan berkost rendah di kawasan setinggan dan di kawasan Rizab Melayu, terutamanya di Lembah Klang. Pendudukan secara haram ke atas tanah dan perumahan serta keadaan kehidupan yang sesak telah menimbulkan masalah persekitaran dan sosial. Begitu juga, anak-anak pekerja asing telah memberikan tekanan terhadap ruang yang terhad di sekolah Kerajaan.

Langkah-langkah pencegahan untuk menyekat kemasukan pekerja tanpa izin melibatkan masa dan kos yang tinggi serta penggunaan kakitangan penguatkuasa yang ramai daripada Polis, Imigresen, angkatan bersenjata dan RELA, seperti di *Jadual 4*. Operasi penguatkuasaan bagi mengurangkan pekerja yang tidak sah menghadapi banyak rintangan seperti kekurangan ruang di dua belas kem tahanan yang hanya dapat menempatkan kira-kira 12,000 orang tahanan dalam sebarang satu

JADUAL 4

Bilangan Operasi Penguatkuasaan

	2000	2001	2002	Jan.-Mei 2003
Bilangan operasi	1,097	1,455	1,872	474
Bilangan tangkapan (orang)	32,700	33,021	28,320	14,228
Bilangan pegawai terlibat (orang)	5,485	7,275	9,360	2,370

Sumber: Jabatan Imigresen.

masa. Kerajaan membelanjakan antara RM3 juta dan RM4 juta setahun bagi menyediakan makanan untuk tahanan tersebut.

Pegawai Dagang, Profesional dan Pekerja Mahir

Pegawai dagang yang terdiri daripada pekerja profesional dan berkemahiran tinggi merangkumi hampir 3% daripada jumlah pekerja dagang di negara ini. Sebahagian besar daripada mereka bekerja dalam sektor pembuatan, petroleum, pembinaan dan juga perkhidmatan seperti kesihatan, pendidikan dan industri ICT. Pada masa ini, terdapat kira-kira 700 pegawai dagang yang bekerja di Koridor Raya Multimedia. Daripada jumlah ini, 70% bekerja sebagai pemaju perisian komputer, penganalisa sistem, pereka web dan jurutera sistem. Sebanyak 20% memegang jawatan pengurusan tinggi sementara selebihnya diambil bekerja sebagai kakitangan sokongan. Pada akhir bulan Julai 2004, terdapat 711 pegawai dagang yang telah diambil bekerja di hospital awam, iaitu 478 terdiri daripada pegawai perubatan dan 233 pakar perubatan. Para profesional berkemahiran tinggi ini memainkan peranan yang bernilai dalam mempertingkatkan produktiviti dan daya saing negara. Mereka membawa bersama pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mereka yang dapat bergabung dengan bakat tempatan dan seterusnya memperkayakan tenaga buruh di Malaysia.

Langkah-langkah


Memandangkan negara terlalu bergantung kepada pekerja asing, Kerajaan baru-baru ini telah mengambil langkah untuk mengatasinya. Satu dasar yang jelas telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing yang bersetuju untuk membentuk satu badan teknikal bagi mengkaji dan memperbaiki sistem semasa pengambilan pekerja asing yang sedia ada terutamanya untuk pekerja yang kurang mahir, serta juga untuk menarik pekerja asing yang mahir. Kerajaan juga akan mengkaji cara-cara untuk mengurangkan pergantungan negara kepada pekerja asing dengan mengalakkan penggunaan peralatan penjimatan buruh seperti cara pembinaan menggunakan Sistem Binaan Perindustrian (IBS) dan melalui peningkatan automasi dan mekanisasi. Walau bagaimanapun, langkah ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan beransur-ansur supaya tidak menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi.

Kesimpulan

Pekerja asing telah bertambah sejak satu dekad yang lalu berikutan daripada pertumbuhan ekonomi yang mapan dan keadaan pasaran buruh yang ketat. Sebagai langkah jangka panjang untuk memastikan pertumbuhan mapan serta mengurangkan implikasi sosio-ekonomi, satu dasar jangka sederhana dan jangka panjang mengenai pekerja asing akan digubal ke arah mengurangkan pergantungan besar kepada pekerja asing tetapi pada masa yang sama dapat menarik pekerja asing yang lebih mahir dan terlatih.

CARTA 2.16

Pemberhentian Dalam Sektor Terpilih Januari - Julai



Sumber: Kementerian Sumber Manusia.

Pertumbuhan produktiviti, kos buruh bagi seorang pekerja dan ULC dalam sektor pembuatan menunjukkan tren yang bertambah baik. Pada tahun 2003, pertumbuhan produktiviti 5.3% melangkaui pertumbuhan 4.4% kos buruh bagi seorang pekerja. Ini telah menghasilkan peningkatan ULC sebanyak 3.4% (2002: 0.7%). Berikutan itu, Malaysia kini menduduki tangga ke-6 senarai negara paling berdaya saing antara 60 negara dari segi ULC dalam *IMD World Competitiveness Yearbook 2004*.

Produktiviti buruh dalam sektor pembuatan mencatat pertumbuhan 13.1% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2004 hasil daripada peningkatan pengeluaran industri berasaskan eksport berikutan permintaan global yang meningkat untuk separa konduktor dan aktiviti nilai ditambah yang tinggi. Industri E&E mencatat pertumbuhan produktiviti paling tinggi (18.7%)

diikuti getah (17.7%), kayu (14.8%) dan pengangkutan dan kelengkapan (5.9%). Hasil daripada peningkatan pengeluaran pembuatan sebanyak 16.2% (Januari-Jun 2003: 7.9%), nilai jualan meningkat 18.6% manakala upah benar bagi seorang pekerja bertambah 5.1%. Ini menjadikan ULC berkurangan kepada 79.8 sen seunit pada tahun 2004 daripada 88.2 sen seunit pada tahun 2003. Tekanan upah dalam pasaran buruh dijangka kekal rendah pada tahun 2004.


Kerajaan melaksanakan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam sektor awam, termasuk GLC untuk meningkatkan produktiviti. Dalam konteks ini, sektor swasta digalakkan untuk melaksanakan PLWS sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan produktiviti buruh.

Pekerja asing membentuk 10% daripada jumlah tenaga buruh pada tahun 2004. Jawatankuasa Teknikal Pekerja Asing di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah meluluskan lebih 92,800 permohonan bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004. Sebanyak 59% daripada keseluruhan permohonan ini ialah untuk sektor pembinaan, perladangan (18%), perkhidmatan (14%) dan pembuatan (9%). Dengan demikian, jumlah pekerja asing telah meningkat kepada 1.36 juta yang mana 30.5% bekerja dalam sektor pembuatan. Pada masa yang sama, seramai 33,446 pendatang tanpa izin dihantar pulang bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun 2004.

Pegawai dagang yang terdiri sebahagian besarnya daripada pekerja profesional dan berkemahiran tinggi membentuk kira-kira 3% dari jumlah pekerja asing di negara ini. Bagi memudahkan proses pengambilan pegawai dagang, Jabatan Imigresen telah memperkenalkan peraturan baru bagi membolehkan pengambilan kepakaran asing diproses melalui sistem kelulusan setempat berkuatkuasa mulai 1 Jun 2004. Sehingga 17 Mei 2004, sejumlah 34,519 pegawai dagang bekerja di negara ini. Kebanyakan pegawai dagang ini bekerja di sektor pembuatan (14,595) dan perkhidmatan (14,139), dengan majoriti dari mereka berasal dari India, Jepun dan China.

CARTA 2.17

Sektor Pembuatan: Pertumbuhan Produktiviti dan Kos Buruh



Sumber: Jabatan Perangkaan.

Prospek 2005

Ekonomi didorong pertumbuhan positif semua sektor...

Kegiatan ekonomi domestik yang terus kukuh, di samping persekitaran luar yang menggalakkan dijangka menjana pertumbuhan pada tahun 2005. Pertumbuhan output yang kukuh ini dijangkakan dari semua sektor, diterajui oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan dengan sumbangan perbelanjaan sektor swasta yang semakin meningkat. Justeru, Malaysia dijangka mencapai satu tahun lagi pertumbuhan yang cergas pada kadar 6% pada tahun 2005. Dengan bilangan penduduk dianggarkan seramai 26.1 juta, pendapatan per kapita pada harga semasa meningkat kepada RM16,693 (2004: RM16,098). Dari segi pariti kuasa beli, ia dianggarkan berjumlah USD10,560 (2004: USD10,163).

Permintaan Domestik

Sektor swasta terus berkembang dipacu kecergasan aktiviti pelaburan...

Prospek positif untuk tahun 2005 berteraskan **permintaan domestik** yang lebih berdaya tahan dan dijana oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi. Prestasi sektor swasta yang kukuh dalam persekitaran luar yang menggalakkan, dijangka membolehkan sektor awam meneruskan langkah konsolidasi kedudukan kewangan keseluruhannya dan seterusnya mengekalkan peranan sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan ekonomi. Justeru, perbelanjaan permintaan domestik (tidak termasuk perubahan dalam stok) dalam nilai benar diunjurkan terus meningkat dengan kukuh sebanyak 4.6% (2004: 6.7%).

Perbelanjaan sektor swasta dijangka kekal teguh dan berkembang 8.6% (2004: 10.3%), selaras dengan arah aliran kegiatan pelaburan swasta yang meningkat dan perbelanjaan penggunaan yang mapan. Sementara itu, **perbelanjaan sektor awam** dianggar berkurangan sedikit pada kadar 3% (2004: +0.7%), sejajar dengan dasar pengurusan defisit yang mapan dan terkawal.

Perbelanjaan **pelaburan swasta** dianggar meningkat dengan kukuh sebanyak 11.9% dan menyumbang 10.9% kepada KDNK (2004: 14.8%; 10.3% pada KDNK). Jangkaan peningkatan ini berasaskan keyakinan perniagaan yang lebih baik hasil permintaan luar yang menggalakkan dan kegiatan ekonomi domestik yang kian cergas disokong sebahagiannya oleh usaha Kerajaan memperhebat pelaburan dalam sektor-sektor pertumbuhan yang disasarkan. Tambahan lagi, konsep perkongsian awam–swasta yang sedang diperkenal dan dipupuk melalui kerjasama yang lebih baik dalam R&D dan inovasi, pengamalan urus tadbir yang baik dan peningkatan produktiviti akan merangsang lagi aktiviti pelaburan. Inisiatif ini dijangka mempercepatkan pewujudan sebuah ekonomi yang berdaya saing disokong oleh kegiatan pengeluaran produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah tinggi.

Industri pembuatan berteraskan nilai tambah tinggi dan industri berkaitan ICT dijangka terus berupaya menarik lebih banyak pelaburan, terutamanya bagi mereka yang mampu menjalin jaringan antara MNC dan EKS. Pada masa yang sama, industri perkhidmatan termasuk perkhidmatan profesional, logistik, penjagaan kesihatan, pendidikan dan pelancongan serta industri berasaskan pengetahuan lain juga merupakan sektor yang mempunyai potensi yang meluas. Berikutan penemuan terbaru medan minyak yang besar dan paras harga minyak yang lebih baik, perbelanjaan pelaburan dalam sektor minyak dan gas juga dijangka meningkat. Begitu juga dengan pelaburan dalam sektor pertanian dan industri asas tani diunjurkan meningkat pesat berikutan inisiatif Kerajaan untuk mencergaskan semula dan memodenkan sektor berkenaan.

Bagi menggalakkan pelaburan dan menyediakan persekitaran mesra perniagaan, Kerajaan terus mengambil langkah menyemak semula akta, peraturan dan prosedur yang berkaitan serta insentif pelaburan yang sedia ada. Di samping meliberalisasikan FIC baru-baru ini, langkah penambahbaikan kepada prosedur permohonan dan kelulusan, Akta Penggalakan Pelaburan 1986 akan dipinda bagi meluaskan lagi skopnya meliputi sektor perkhidmatan. Selaras dengan perkembangan positif ini, pelaburan swasta dijangka terus berkembang pada tahun 2005 dan selanjutnya menyumbang kepada peningkatan potensi pertumbuhan ekonomi negara.

Perbelanjaan **penggunaan swasta** dijangka berkembang lagi sebanyak 7.9%, selepas mencatat pertumbuhan yang terus mantap sebanyak 9.3% pada tahun 2004. Paras pendapatan boleh guna yang kian meningkat dan keyakinan pengguna yang lebih kukuh yang dirangsang oleh kecergasan aktiviti ekonomi domestik dijangka merupakan faktor penyumbang utama kepada pengukuhan perbelanjaan penggunaan swasta. Tambahan pula, akses kepada kredit yang lebih mudah dan kadar faedah yang akomodatif dalam persekitaran inflasi yang rendah dan prospek pekerjaan yang lebih baik juga dijangka menyokong perbelanjaan penggunaan swasta.

Berbeza dengan kepesatan kegiatan pelaburan swasta, **pelaburan awam**, sebagai dasar terancang, dianggar terus berkurangan 8.1% (2004: -6.6%), selepas mengambil kira peruntukan pembangunan yang lebih rendah iaitu sebanyak RM28,304 juta pada tahun 2005 (2004: RM31,131 juta). Kebanyakan perbelanjaan pembangunan tersebut akan disalurkan kepada projek dan program yang mempunyai potensi nilai tambah yang lebih tinggi, kandungan import yang rendah dan jaringan aktiviti yang kukuh, termasuk pembangunan pertanian dan luar bandar, penyediaan kemudahan infrastruktur, serta pembangunan sumber manusia dan pendidikan. Kerajaan akan terus melabur dalam projek dan program yang turut menyokong kegiatan sektor swasta. **Penggunaan awam** sebaliknya, dianggar

terus mencatat pertambahan sederhana sebanyak 2.5% (2004: 9.8%), terutamanya dengan mengambil kira perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan yang lebih tinggi untuk menambah baik lagi kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian sektor awam.

Prospek Mengikut Sektor

Ekonomi terus berkembang mantap dipacu sektor pembuatan dan perkhidmatan dengan sektor pertanian semakin berpotensi...

Output pada tahun 2005 dijangka berkembang dengan asas yang meluas. Sektor pembuatan dan perkhidmatan masih merupakan penjana pertumbuhan. Sektor pembuatan dijangka berkembang dengan pesat, dijana oleh permintaan domestik yang kukuh dan prestasi sektor luar yang mapan. Pengeluaran keseluruhan dijangka meningkat lebih daripada 10%, sementara eksport sebanyak 11.3%. Berasaskan peningkatan lebih tinggi dalam pasaran elektronik, E&E akan terus berkembang pada kadar stabil di sebalik kebimbangan penyusutan dalam subsektor elektronik. Industri berorientasi domestik dijangka terus berkembang, terutamanya dalam industri makanan dan kelengkapan pengangkutan.

Pertumbuhan sektor pertanian dijangka bertahan dengan pertambahan output sebanyak 2.4% (2004: 2.8%). Pengeluaran CPO diunjur melebihi 13.8 juta tan metrik disebabkan terutamanya oleh pertambahan keluasan kawasan tanaman kelapa sawit matang. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dijangka menghasilkan peningkatan pendaratan ikan dan hasil ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan yang akan menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan sektor pertanian.

Pengeluaran minyak mentah dan gas dijangka terus meningkat pada tahun 2005 berikutan harga yang kukuh dan pertambahan medan minyak dan gas yang baru. Output gas asli dianggarkan meningkat 12.1% ekoran kapasiti pengeluaran yang lebih tinggi untuk memenuhi permintaan

yang kian bertambah. Pengeluaran minyak mentah dijangka naik kepada 776,000 tsh (2004: 753,000 tsh) selaras dengan peningkatan permintaan. Sehubungan itu, pertumbuhan sektor perlombongan dijangka mencatat peningkatan 5.5% pada tahun 2005 (2004: 5%).

Sektor pembinaan diunjur meningkat 1.8% (2004: 0.5%), dijana sebahagiannya oleh subsektor kejuruteraan awam, berikutan pelaksanaan projek infrastruktur baru dan dalam pembinaan seperti Fasa Dua Lebuh Raya Pantai Timur dan stesen janakuasa di Tanjung Bin, Johor. Subsektor perumahan juga dijangka terus rancak, disokong oleh pendapatan boleh guna yang tinggi, kadar faedah yang rendah dan akses pinjaman yang mudah. Sektor ini dijangka dicergaskan lagi dengan pembinaan 7,000 unit rumah berkos rendah dan sederhana oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Prospek sektor perkhidmatan dianggarkan terus cerah dengan pertumbuhan kekal pada 5.8% pada tahun 2005. Pertumbuhan dijangka dijana oleh aktiviti yang kukuh bagi keseluruhan subsektor utama. Subsektor pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi dijangka terus mencatat pertumbuhan kukuh berikutan perancangan perkembangan kapasiti penerbangan dan pelaburan oleh syarikat telekomunikasi. Perkembangan yang kukuh dalam sektor pelancongan dan aktiviti perdagangan yang disokong oleh peningkatan pendapatan akan menyumbang kepada pertumbuhan yang tinggi dalam subsektor borong dan perdagangan runcit, perhotelan dan restoran. Peningkatan pinjaman bank, pasaran saham yang mantap dan aktiviti kewangan yang lain akan meningkatkan lagi pertumbuhan dalam subsektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan.

Perdagangan Luar

Imbangan perdagangan kekal kukuh...

Prestasi ekonomi global yang semakin baik dalam suasana peningkatan pertumbuhan ekonomi

dunia dan persekitaran perdagangan dijangka menjadi pemangkin kepada pertumbuhan eksport dan import iaitu masing-masing sebanyak 9.9% dan 10.2% (2004: 17.3%; 22.1%). Hasilnya, lebih dagangan negara dijangka akan terus meningkat kepada RM86,450 juta (2004: RM79,739 juta). **Akaun semasa** Malaysia dijangka terus kekal tinggi dan mencatat lebihan bagi tahun ke lapan berturut-turut. Lebihan yang tinggi dalam akaun barangan (RM112,029 juta) mencukupi untuk mengimbangi defisit dalam akaun perkhidmatan, pendapatan dan pindahan semasa. Defisit dalam akaun perkhidmatan dijangka meningkat sedikit kepada RM8,855 juta (2004: -RM8,828 juta) disebabkan sebahagian besarnya oleh aliran keluar bersih yang tinggi bagi akaun pengangkutan.

Akaun pendapatan dianggar mencatat aliran keluar bersih yang tinggi iaitu sebanyak RM30,521 juta (2004: -RM26,751 juta), berikutan kenaikan yang lebih baik dalam prestasi korporat. Selepas mengambil kira aliran keluar bersih RM10,967 juta dalam akaun pindahan (2004: -RM9,907 juta), kesan daripada penghantaran keluar wang oleh pekerja asing yang lebih tinggi, akaun semasa dijangka mencatat lebihan sebanyak RM61,686 juta atau 14.1% kepada KNK (2004: RM57,967 juta atau 14.1% kepada KNK).

Kedudukan Sumber Negara

Kekukuhan sumber negara menyokong pertumbuhan...

Pendapatan negara dalam harga semasa diunjur bertambah lagi sebanyak 5.9% (2004: 10.8%) dengan jangkakan pertumbuhan aktiviti ekonomi yang kukuh pada tahun 2005. Dengan pertambahan keseluruhan perbelanjaan penggunaan sebanyak 7.9% (2004: 10.7%) serta melebihi kadar peningkatan pendapatan negara, **tabungan negara kasar** dianggar meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 2.3% kepada RM153,743 juta pada tahun 2005 (2004: 11.2%; RM150,288 juta). Berikutan dengan itu, bahagian tabungan negara kasar dari segi peratusan kepada KNK akan berkurangan sedikit, walaupun parasnya masih agak tinggi sebanyak 35.2% (2004: 36.5% kepada KNK). Selepas mengambil kira bahagian keseluruhan perbelanjaan pelaburan (termasuk perubahan dalam stok) sebanyak 21.1% kepada KNK atau RM92,056 juta (2004: 22.4%; RM92,321 juta), kedudukan **jurang tabungan pelaburan** negara dijangka kekal 14.1% kepada KNK atau RM61,686 juta (2004: 14.1%; RM57,967 juta). Oleh itu, kedudukan sumber negara akan terus menggalakkan dan mampu untuk menyokong lagi pertumbuhan ekonomi negara.